




KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN

DKN 2030

Dasar Keusahawanan Nasional

Malaysia Negara Keusahawanan Unggul 2030





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN

DASAR KEUSAHAWANAN NASIONAL 2030

Malaysia Negara Keusahawanan Unggul 2030

ISBN 978-983-43495-1-6



©Kementerian Pembangunan Usahawan

Hak Cipta Terpelihara.

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Kementerian Pembangunan Usahawan Malaysia.

Kementerian Pembangunan Usahawan

Blok E4/5, Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62668 Putrajaya, Malaysia

PRAKATA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan
Salam Sejahtera,

‘Dasar Keusahawanan Nasional’ (DKN) diperkenalkan sebagai satu panduan untuk menyediakan kerangka atau ekosistem yang holistik untuk pembangunan keusahawanan di Malaysia, yang hari ini dilihat semakin berkembang pesat.

Dasar ini dan keseluruhan teras strategiknya diharap menjadi tonggak kepada daya saing negara di waktu kita berhadapan medan persaingan ekonomi global dan ledakan arus perubahan teknologi yang berkait terus dengan Industri 4.0. Menangani mereka, Malaysia perlu lebih responsif dan proaktif dan dasar ini disediakan untuk mencapai matlamat tersebut.

Pembentukan masyarakat Malaysia yang berpemikiran keusahawanan merupakan asas dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara keusahawanan unggul menjelang 2030. Penerapan budaya keusahawanan melalui pelaksanaan enam Teras Strategik di bawah DKN merupakan pemangkin kepada proses transformasi ekonomi inklusif dan komuniti keusahawanan negara.

Adalah menjadi hasrat kerajaan agar dasar ini mampu membentuk semangat keusahawanan yang utuh, bukan sahaja dalam kalangan para usahawan, malahan seramai mungkin rakyat Malaysia. Kita percaya, wawasan ‘Kemakmuran Bersama’ (*Shared Prosperity*) yang kita cita-citakan akan turut menerima kesan positif dari dasar ini.

Saya ucap tahniah kepada warga Kementerian Pembangunan Usahawan di atas penghasilan DKN ini dan saya yakin Malaysia berupaya mencapai slogan “Negara Keusahawanan Unggul 2030”!

YAB TUN DR MAHATHIR MOHAMAD

Perdana Menteri Malaysia



KATA ALU-ALUAN

Alhamdulillah, buat julung-julung kalinya Malaysia mempunyai pernyataan dasar yang terkhusus dan komprehensif berkait sektor keusahawanan. Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) yang dilancarkan secara rasminya oleh YAB Tun Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia. Dasar ini merupakan manifestasi kesungguhan dan iltizam kerajaan untuk merealisasikan Malaysia sebagai negara keusahawanan unggul menjelang tahun 2030 nanti.

Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) telah diberikan amanah untuk menerajui usaha mewujudkan ekosistem keusahawanan yang holistik, kondusif dan inklusif bagi menyokong agenda pembangunan sosio-ekonomi negara. Sehubungan dengan itu, DKN telah dirangka dengan gerak kerja yang cukup teliti, mengambilkira aspirasi dan hasrat para usahawan tempatan yang sekian lama menunggu satu dasar khusus untuk pembangunan keusahawanan.

DKN merupakan strategi jangka masa panjang negara dengan menggariskan enam teras strategik berpandukan perkembangan ekonomi global, pencapaian terkini keusahawanan serta isu dan cabaran semasa. Teras pertama bertujuan membudayakan keusahawanan dalam segenap lapisan masyarakat Malaysia, diikuti teras kedua bagi mengoptimumkan sistem kawalselia dan capaian kepada pembiayaan kewangan. Teras ketiga bertujuan untuk merangsang pembangunan keusahawanan bersepadu dan holistik, sementara teras keempat adalah untuk memacu pertumbuhan ekonomi melalui perusahaan berteraskan inovasi. Teras kelima memberi tumpuan untuk memantapkan keupayaan dan prestasi perusahaan mikro, kecil dan sederhana Malaysia. Teras terakhir meletakkan asas untuk melonjakkan perusahaan berpertumbuhan tinggi.

Semoga dasar ini mampu menjadi pemangkin kebangkitan ekonomi yang inklusif. DKN juga diharapkan dapat mengupaya semangat waja keusahawanan tulen dalam kalangan rakyat, bermula di peringkat akar umbi sehinggalah kesiagaan memperkukuh wibawa untuk bersaing di peringkat serantau dan antarabangsa.

YB DATO' SERI MOHD REDZUAN YUSOF
Menteri Pembangunan Usahawan



RINGKASAN EKSEKUTIF

Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) merupakan strategi jangka panjang negara dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara keusahawanan (*entrepreneurial nation*) yang unggul menjelang tahun 2030. Dasar ini akan bertindak sebagai pemangkin kepada pencapaian Malaysia sebagai sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermaruah serta terus membangun secara mapan dengan pengagihan ekonomi yang lebih adil dan inklusif, seterusnya muncul sebagai paksi ekonomi Asia. Lima (5) objektif utama telah ditetapkan di bawah DKN iaitu:

- 1 Mewujudkan ekosistem keusahawanan yang holistik dan kondusif bagi menyokong agenda pembangunan sosioekonomi Malaysia yang inklusif, seimbang dan mapan
- 2 Membentuk masyarakat Malaysia yang berpemikiran dan berbudaya keusahawanan
- 3 Meningkatkan bilangan usahawan negara yang berkualiti, berdaya maju, berdaya tahan, berfikiran global dan kompetitif
- 4 Mempertingkatkan keupayaan perusahaan mikro, kecil dan sederhana serta koperasi
- 5 Menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan

Mengambil kira perkembangan ekonomi global, pencapaian keusahawanan semasa serta isu dan cabaran dalam mewujudkan ekosistem keusahawanan yang kondusif di Malaysia, DKN telah menggariskan enam (6) Teras Strategik yang disokong oleh 19 Strategi dan 62 Inisiatif sebagai tunjang mekanisme pelaksanaan dasar ini. Enam (6) Teras Strategik tersebut ialah:



TERAS STRATEGIK 1

Membudayakan Keusahawanan dalam Segenap Lapisan Masyarakat




TERAS STRATEGIK 2

Mengoptimumkan Sistem Kawal Selia dan Capaian kepada Pembiayaan Kewangan



TERAS STRATEGIK 3

Merangsang Pembangunan Keusahawanan Bersepadu dan Holistik



TERAS STRATEGIK 4

Memacu Pertumbuhan Ekonomi Melalui Perusahaan Berteraskan Inovasi



TERAS STRATEGIK 5

Memantapkan Keupayaan dan Prestasi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana



TERAS STRATEGIK 6

Mengantarabangsakan Perusahaan Berpertumbuhan Tinggi

ISI KANDUNGAN

Prakata YAB Perdana Menteri

Kata Alu-Aluan YB Menteri Pembangunan Usahawan

Ringkasan Eksekutif

ASPIRASI NEGARA 01

01

- Arah Tuju Malaysia 2030
- Model Pembangunan Baharu

LANSKAP KEUSAHAWANAN 02

02

- Persekitaran Keusahawanan
- Tinjuan Keusahawanan Global
- Transformasi ke Arah Ekonomi Baharu
- Tinjauan Keusahawanan Nasional
- Program dan Inisiatif Semasa

03

ISU DAN CABARAN **27**

04

DASAR KEUSAHAWANAN NASIONAL DASAR **35**

- Pernyataan Dasar
- Objektif Dasar
- Definisi dan Skop
- Sasaran Dasar
- Kerangka Dasar

05

MELANGKAH KE HADAPAN **57**

Penghargaan **60**
Lampiran **61**
Akronim **62**
Rujukan **64**

01

ASPIRASI NEGARA



ARAH TUJU MALAYSIA 2030

Malaysia beraspirasi untuk menjadi sebuah negara yang maju dan makmur. Namun, pencapaian ini tidak seharusnya disandarkan melalui angka Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) semata-mata. Pembangunan dan kekayaan yang diperoleh hasil daripada perkembangan ekonomi harus diagihkan dengan lebih adil dan saksama supaya semua rakyat dapat merasai hasilnya. Gagasan yang dinamakan sebagai “Kemakmuran Bersama” ini telah diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri pada 9 Mei 2019 di Putrajaya International Convention Center (PICC) sempena Sambutan 1 Tahun Kerajaan Pakatan Harapan.

“Kemakmuran Bersama” adalah usaha murni kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mapan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, terangkum dan inklusif. Gagasan ini akan merapatkan jurang ekonomi serta meningkatkan pendapatan dan penyertaan dalam rantai bekalan. Tumpuan khusus akan diberikan kepada golongan Bumiputera, masyarakat Orang Asli/Asal, isi rumah berpendapatan rendah (B40) serta kumpulan fokus khas seperti belia, wanita dan warga emas supaya kekayaan negara dapat benar-benar dirasai bersama. Ekonomi yang lebih terstruktur, progresif, bernilai tinggi dan berpaksikan ilmu akan terhasil melalui Model Pembangunan Baharu. Pada akhirnya, agenda nasional ini akan membawa Malaysia ke arah sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermaruah seterusnya muncul sebagai paksi ekonomi Asia.

“Malaysia sebagai sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermaruah yang seterusnya akan menjadi paksi ekonomi penting di Asia.”

Tun Dr Mahathir Mohamad
9 Mei 2019

Tujuh (7) Teras Strategik Gagasan Kemakmuran Bersama

1. Penstrukturan dan Penambahbaikan Ekosistem Perniagaan dan Industri Negara

Mendorong transformasi ekosistem perniagaan, industri dan usahawan untuk terus seiring dengan Revolusi Industri 4.0, ekonomi digital dan ekonomi intelek bagi menghasilkan industri nilai tinggi, seterusnya kekal relevan dan memenuhi kehendak ekonomi masa hadapan.

2. Sektor Pertumbuhan Baharu

Mengenal pasti dan mempelopori sektor pertumbuhan serta bidang keberhasilan utama baharu melalui pelaburan yang strategik bagi mewujudkan kapasiti Malaysia sebagai negara pengeluar yang mampu mengeluarkan lebih banyak produk sendiri yang bertaraf antarabangsa.

3. Reformasi Bakat dan Sumber Tenaga Negara

Menstruktur semula pembangunan modal insan negara bagi menghasilkan bakat yang berkemahiran dan berpengetahuan tinggi, kompetitif, produktif serta relevan dengan kehendak industri.

4. Memperbaiki Pasaran Buruh dan Pendapatan Pekerja

Mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dengan memastikan industri beralih kepada pekerjaan dan perkhidmatan bernilai tinggi yang memberi peluang pendapatan yang lebih tinggi kepada pekerja.

5. Memperkukuhkan Kesejahteraan Sosial

Merasionalisasi dasar dan program ke arah kesejahteraan sosial yang lebih menyeluruh berdasarkan prinsip memenuhi ekonomi keperluan (*need base*) dengan tujuan membantu membangun keupayaan golongan terpinggir untuk keluar dari kemiskinan relatif.

6. Pembangunan Wilayah yang Inklusif

Membangunkan pusat ekonomi yang lebih menyeluruh di seluruh pelosok negara bagi memastikan pertumbuhan ekonomi dapat diagihkan dengan lebih meluas di samping mengurangkan jurang ekonomi antara wilayah.

7. Peningkatan Modal Sosial Masyarakat

Menyokong pembangunan dan pertumbuhan ekonomi melalui pembentukan jati diri masyarakat yang matang, berilmu dan mementingkan perpaduan.

MODEL PEMBANGUNAN BAHARU

Salah satu objektif utama dalam konsep Kemakmuran Bersama adalah Model Pembangunan Baharu, iaitu penglibatan segenap lapisan rakyat Malaysia dalam menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara berteraskan kepada ilmu pengetahuan dan nilai kemasyarakatan yang tinggi.

Terdapat tiga (3) elemen utama yang dapat diterjemahkan dalam Model Pembangunan Baharu:

- Ekonomi yang progresif dan berstruktur dipacu oleh inovasi dan ilmu pengetahuan
- Pengagihan ekonomi yang adil dan inklusif pada setiap peringkat rantai nilai, kelas, kaum dan geografi
- Memenuhi keperluan semasa tanpa menjejaskan generasi masa hadapan

Dalam konteks ini, keusahawanan merupakan satu komponen yang penting dan strategik dalam memacu Malaysia untuk mencapai status negara maju dan makmur pada tahun 2030. Keusahawanan turut dilihat sebagai satu pendekatan sosial untuk negara keluar daripada perangkap pendapatan pertengahan (*middle-income trap*), secara langsung menjadi batu loncatan untuk Malaysia muncul sebagai paksi ekonomi di rantau Asia.

Bidang keusahawanan berpotensi meyumbang kepada pembangunan sosioekonomi dan produktiviti negara. Pengagihan pendapatan yang lebih saksama akan meningkatkan taraf dan kualiti kehidupan rakyat Malaysia, seterusnya membawa kebaikan sosial kepada masyarakat. Pertumbuhan ekonomi yang mampan boleh digalakkan melalui sebuah negara keusahawanan yang inovatif dan kreatif, serta melalui ekonomi baharu dan ekonomi digital.



● **PERTUMBUHAN SEKATA**

Ekonomi yang progresif dan berstruktur dipacu oleh inovasi dan ilmu pengetahuan

● **KELESTARIAN**

Memenuhi keperluan semasa tanpa menjejaskan generasi masa hadapan

● **KETERANGKUMAN**

Pengagihan ekonomi yang adil dan inklusif pada setiap peringkat rantai nilai, kelas, kaum dan geografi

Matlamat untuk menerajui usaha pembangunan keusahawanan negara yang terancang dan bersepadu telah diambil kira oleh kerajaan dengan pewujudan semula Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) pada 2 Julai 2018. Susulan itu, MED terus mengorak langkah dengan menyediakan perancangan ke arah mewujudkan ekosistem keusahawanan yang holistik, kondusif dan inklusif bagi menyokong agenda pembangunan sosioekonomi negara, seterusnya merealisasikan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara keusahawanan.

MED telah mengambil inisiatif awal dengan membangunkan Rangka Kerja Keusahawanan Nasional (NEF) yang telah dilancarkan pada 22 November 2018 bagi mengenal pasti matlamat dan inisiatif pembangunan keusahawanan negara. Susulan pelancaran NEF, MED mengambil langkah proaktif dengan mengadakan sesi libat urus bersama pelbagai pihak berkepentingan yang terdiri daripada agensi-agensi kerajaan, pihak industri, swasta, persatuan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) berkaitan termasuk para usahawan melalui platform seperti perundingan awam, maklum balas dalam talian, dialog, serta mesyuarat dan perbincangan bengkel. Sesi-sesi tersebut bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan cadangan berkaitan pembangunan keusahawanan untuk dijadikan sebagai input dalam penyediaan Dasar Keusahawanan Nasional. Secara keseluruhannya, sesi libat urus peringkat kebangsaan ini telah melibatkan seramai lebih 6,000 orang.

DKN dirangka untuk menetapkan hala tuju strategik yang menyeluruh bagi membangunkan ekosistem keusahawanan di Malaysia. Dalam usaha untuk menjadikan Malaysia sebuah negara keusahawanan yang maju dan berdaya saing, Malaysia haruslah mempunyai beberapa ciri-ciri berikut:



Bakat berkemahiran tinggi



Dipacu inovasi



Ekonomi kolaboratif



Komuniti keusahawanan



Tadbir urus yang baik



Diterajui pasaran



Pembangunan mapan

02

LANSKAP KEUSAHAWANAN



PERSEKITARAN KEUSAHAWANAN

Keusahawanan adalah kunci utama dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara dengan menyumbang kepada KDNK, merangsang pelaburan, serta menjana peluang pekerjaan. Di samping itu, keusahawanan merupakan pemangkin kepada penjana inovasi serta menjadi wadah meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat dengan menyediakan peluang ekonomi kepada pelbagai lapisan masyarakat, terutamanya golongan terpinggir dan yang kurang bernasib baik dalam pasaran buruh, dalam memulakan dan mengembangkan perniagaan.

Di peringkat global, fokus kerajaan sesetengah negara tertumpu kepada pembangunan ekosistem keusahawanan bagi melahirkan usahawan yang berpotensi tinggi. Usaha untuk melengkapkan para usahawan dengan kemahiran yang diperlukan dipergiat melalui pengenalan dasar keusahawanan peringkat nasional bagi menyesuaikan diri mereka dengan perubahan persekitaran perniagaan dan teknologi memunculkan yang bersifat disruptif.

Walau bagaimanapun, cabaran terbesar pihak kerajaan seluruh dunia adalah untuk beralih dari “ekonomi tradisional” ke “ekonomi baharu”. Usahawan yang dilahirkan perlu dilengkapi dengan “kemahiran abad ke-21”, pendigitalan operasi perniagaan dan berkolaborasi dengan usahawan lain untuk terus bertahan dalam persekitaran dinamik ini.

Malaysia telahpun melaksanakan pelbagai program pembangunan keusahawanan yang meliputi pembiayaan, penyelidikan dan pembangunan (P&P), latihan dan pembinaan kapasiti, infrastruktur, pemindahan teknologi, akses pasaran, usahawan sosial serta


pengantarabangsaan. Program dan inisiatif sedia ada akan dimantapkan lagi dengan pengenalan DKN yang merupakan dasar keusahawanan pertama negara.

TINJAUAN KEUSAHAWANAN GLOBAL

Berdasarkan analisis di peringkat global, negara seperti Amerika Syarikat (AS), *United Kingdom* (UK), Kanada, Jerman, Singapura, Thailand, Vietnam dan Indonesia telah memperkenalkan dasar keusahawanan yang tertumpu kepada usahawan dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dengan menitikberatkan usaha untuk mengarusperdanakan agenda keusahawanan. Terdapat juga sebahagian negara yang menerapkan agenda keusahawanan dalam dasar dan polisi makro mereka seperti pelan pembangunan jangka pendek, dasar perindustrian dan dasar inovasi. Dasar-dasar tersebut secara umumnya menggariskan strategi dan pelan untuk mengatasi halangan-halangan asas yang wujud dalam bidang keusahawanan, dengan tujuan untuk memberikan peluang sama rata kepada semua lapisan masyarakat, seterusnya membuka jalan kepada individu untuk menceburkan diri ke dalam bidang keusahawanan.

Kebanyakan negara maju seperti Kanada menerapkan dasar keusahawanan mereka dalam pelan tindakan inovasi dan strategi industri masing-masing untuk memupuk ekosistem inovasi yang kondusif bagi menyokong pembangunan para usahawan negara tersebut. Sebaliknya, bagi negara serantau ASEAN (*Association of Southeast Asian Nations*) seperti Vietnam dan Indonesia, komponen keusahawanan telah diterapkan secara langsung dalam pelan pembangunan jangka pendek negara yang lebih bersifat makro dan menyeluruh.

Dasar dan Indeks Antarabangsa Berkaitan Keusahawanan di Peringkat Global




Kedudukan Global /137	1	4	15	Global Entrepreneurship Development Index 2018						3	27	87	94	71	58
Kedudukan Global /190	8	9	24	Doing Business 2019						22	2	69	73	27	15
Kedudukan Global /140	1	8	3	Global Competitiveness Report (GCR) 2018						12	2	77	45	38	25
Kedudukan Global /140	6	4	9	Global Innovation Index (GII) 2018						18	5	45	85	44	35

ASM, 2019


Ekosistem keusahawanan di Malaysia telah menunjukkan penambahbaikan secara berterusan dari tahun ke tahun. Hal ini dicerminkan melalui kedudukan negara dalam pelbagai indeks global berkaitan keusahawanan seperti *Global Entrepreneurship Index* (GEI), *Global Competitiveness Report* (GCR), *Global Innovation Index* (GII) dan *Doing Business*.

Berdasarkan laporan GII 2018, Malaysia merupakan negara membangun kedua yang berada pada kedudukan 50 teratas di belakang China, malah mengatasi negara-negara maju lain seperti Greece, Lithuania dan Poland.

Namun, jika diteliti secara terperinci tentang kedudukan Malaysia di peringkat sub-indeks, jelas menunjukkan terdapat jurang yang ketara dalam ekosistem keusahawanan Malaysia terutamanya berkaitan dengan penciptaan pengetahuan, pekerja berpengetahuan, inovasi produk dan penyerapan teknologi. Jurang-jurang ini juga berkait rapat dengan persekitaran perundangan dan pengawalseliaan yang mungkin mengekang pertumbuhan dan pembangunan keusahawanan di Malaysia.



Perbandingan Antara Negara Terhadap Sumbangan PKS Kepada Ekonomi



ASM, 2019

Majoriti usahawan merupakan pengusaha dalam industri kecil dan sederhana. Lebih 90% daripada jumlah keseluruhan penubuhan perniagaan adalah dalam kategori PKS. PKS merupakan penyumbang utama kepada penjaan pekerjaan sesebuah negara. Misalnya, sumbangan pekerjaan oleh PKS di negara-negara maju seperti AS, Jerman dan Kanada mencecah sehingga 90% di samping

menyumbang setinggi 50% kepada KDNK. Manakala di Jerman, PKS atau dalam bahasa lokalnya disebut sebagai '*Mittelstand*', mempunyai rangkaian perniagaan yang kukuh dan mampu mengeksport produk dan perkhidmatan yang bernilai tambah tinggi sehingga ke pasaran antarabangsa, selain menyumbang kepada 68.5% daripada jumlah nilai eksport Jerman (BMW, 2019).

Global Innovation Index 2018

Malaysia: **35 /126** buah negara
(Sumber: *Global Innovation Index 2018*)

NAMUN

Global Entrepreneurship Index 2018

Sub-komponen **Product Innovation**:
Malaysia: **12%** markah & berada pada kedudukan **130 /137** buah negara
(Sumber: *Global Entrepreneurship Index 2018*)



INOVASI

Malaysia merupakan **pengekspor ke-24 terbesar di dunia**, yang berdagang dengan **234 buah negara**
(Sumber: *World Trade Organisation*)

NAMUN

Dalam **OECD STI Scoreboard 2017**, Bab **Participation in Global Value Chain**:
Malaysia: **53 /63** buah negara
(Sumber: *OECD STI Scoreboard 2017*)



PASARAN



PENGETAHUAN

Malaysia telah menghasilkan **~120,000 penerbitan penyelidikan** sejak tahun 2013, yang mana **39%** adalah berimpak tinggi.
(Sumber: *Web of Science*)

NAMUN

Global Innovation Index 2018, Sub-komponen **Knowledge Creation**:
Malaysia: **75 /126** buah negara
(Sumber: *Global Innovation Index 2018*)



BAKAT

IMD World Talent Ranking 2018

Malaysia: **22 /63** buah negara.
(Sumber: *IMD World Talent Ranking 2018*)

NAMUN

Global Entrepreneurship Index 2018, Sub-komponen **Start-up Skills**:
Malaysia: **16%** markah dan berada pada kedudukan **99 /137** buah negara.
(Sumber: *Global Entrepreneurship Index 2018*)

ASM, 2019

Meskipun dari segi kedudukan indeks antarabangsa secara keseluruhannya Malaysia mempunyai kekuatan dari segi bakat, penyelidikan, inovasi dan perdagangan, masih terdapat beberapa kekurangan dan jurang yang perlu ditambahbaik ke arah menjadikannya sebagai sebuah negara keusahawanan. Dari sudut perdagangan menurut Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO),

Malaysia merupakan pengekspor ke-24 terbesar di dunia, tetapi menduduki tempat ke-53 dalam penyertaan rantaian nilai global berdasarkan laporan Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) *STI Scoreboard 2017*. Ini bermaksud, usahawan-usahawan di negara ini perlu mewujudkan jaringan kerjasama yang kukuh dengan pasaran antarabangsa untuk merancakkan penglibatan dalam ekonomi global.

TRANSFORMASI KE ARAH EKONOMI BAHARU

Keusahawanan dan inovasi merupakan dua perkara penting yang saling berkait dalam memacu pertumbuhan ekonomi dan transformasi negara. Negara maju meletakkan keusahawanan dan inovasi sebagai prasyarat penting untuk pertumbuhan yang mapan. Ia bukan satu usaha yang mudah tetapi ia tidak mustahil dijayakan jika kita mempunyai iltizam dan kesungguhan yang tinggi.

Di peringkat global, dasar keusahawanan bukan sahaja memudahcara proses pembudayaan keusahawanan sebagai pemacu inovasi dan menggalakkan penciptaan pekerjaan baharu, tetapi juga menggariskan pelan dan rancangan sesebuah negara untuk beralih daripada ekonomi tradisional ke ekonomi baharu. Ekonomi baharu boleh ditakrifkan sebagai kebangkitan ilmu pengetahuan yang dipacu oleh revolusi digital, yang mana ilmu pengetahuan berperanan mewujudkan sesuatu inovasi baharu untuk menyokong pembangunan negara. Berbeza dengan ekonomi tradisional, ekonomi baharu bersifat lebih kolaboratif, kurang bergantung kepada sumber bahan, lebih berintensifkan pengetahuan serta memerlukan bakat berkemahiran tinggi.

Anjakan transformasi daripada ekonomi tradisional kepada ekonomi baharu ini telah diperkenalkan dalam dasar dan pelan pembangunan usahawan sesetengah negara. Peralihan kepada ekonomi baharu melalui penyerapan unsur inovasi dalam minda akan memastikan usahawan bergerak seiring dengan transformasi digital. Dasar-dasar keusahawanan seperti di negara Singapura dan Kanada telah memperkenalkan inisiatif seperti pendigitalan pelesenan dan pendaftaran perniagaan untuk memudahkan urusan memulakan perniagaan.

Transformasi Daripada Ekonomi Tradisional Ke Ekonomi Baharu

<i>Resource focused</i>	→	<i>Knowledge intensive</i>
<i>Labour intensive</i>	→	<i>High-skilled talents</i>
<i>Requires control</i>	→	<i>Requires collaboration</i>
<i>Vertical trust orientation</i>	→	<i>Horizontal trust orientation</i>
<i>Mass production</i>	→	<i>Mass customization</i>
<i>Proximity is important</i>	→	<i>Location less significant</i>
<i>Rigid</i>	→	<i>Flexible</i>
<i>Capitalist</i>	→	<i>Profit Sharing</i>




ASM, 2019

Pada masa yang sama, program penilaian pematuhan standard turut disediakan untuk mengenal pasti tahap kesiediaan perusahaan bagi menerima pakai teknologi baharu dan disruptif. Walaupun Malaysia telah memperkenalkan pelbagai pelan, strategi dan inisiatif yang berkaitan dengan penerapan digital dan penggunaan teknologi, namun dasar keusahawanan yang lebih berfokus perlu dirangka dan dilaksanakan dengan efektif untuk mengatasi jurang dalam ekosistem keusahawanan sedia ada sebagai langkah bagi melengkapkan usahawan dengan keperluan dan kemahiran yang relevan demi menuju ke arah ekonomi baharu.

TINJAUAN KEUSAHAWANAN NASIONAL

Pada suku pertama tahun 2019, ekonomi Malaysia mencatatkan jumlah keseluruhan KDNK sebanyak RM341.7 bilion, peningkatan sebanyak 4.5% berbanding suku sebelumnya. Jumlah ini disumbangkan oleh lima sektor utama iaitu perkhidmatan, pembuatan, pertanian, pembinaan, serta perlombongan dan pengkuarian. Penjana ekonomi di Malaysia secara amnya disumbangkan oleh aktiviti keusahawanan yang meliputi pelbagai jenis aktiviti perusahaan seperti PKS, penjaja, koperasi, rangkaian francais, *start-ups*, perusahaan sosial, termasuk juga perniagaan atas talian (*online*). Menurut Bancian Ekonomi negara (2016), terdapat 920,624 entiti perniagaan baharu ditubuhkan di Malaysia setakat tahun 2015 yang mana 908,065 (98.5%) daripada jumlah tersebut adalah PKS. Jumlah ini termasuk 693,670 perusahaan mikro (76.5%), 192,783 perusahaan kecil (21.2%) dan 20,612 perusahaan sederhana (2.3%).

Sumbangan KDNK Q1, 2019



Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019

Ekonomi digital dijangka akan terus berkembang pesat seiring dengan pertumbuhan perusahaan di Malaysia. Pada tahun 2016, sektor ekonomi digital secara keseluruhannya telah menyumbang sebanyak 18.2% (RM224 bilion) kepada KDNK dan ianya dijangka akan mencecah ke 20% pada tahun 2020 (DOSM, World Bank). Salah satu komponen utama ekonomi digital adalah e-dagang, yang mana pertumbuhannya dijangka akan melebihi RM 110 bilion pada tahun 2020.

Impak Aktiviti Keusahawanan di Malaysia

Impak aktiviti keusahawanan di Malaysia dapat diukur melalui pelbagai aspek. Impak utama yang dapat dilihat adalah sumbangan kepada pemantapan ekonomi negara. Pada tahun 2017, PKS telah mencatatkan pertumbuhan KDNK yang lebih tinggi iaitu sebanyak 7.2% berbanding dengan 5.2% pada tahun sebelumnya, mengatasi pertumbuhan KDNK keseluruhan sebanyak 5.9%. Ini telah meningkatkan sumbangan PKS kepada KDNK keseluruhan daripada 32.2% pada tahun 2010 kepada 37.1% pada tahun 2017.

Selain daripada itu, perusahaan di Malaysia juga menyumbangkan nilai eksport sebanyak RM 167.4 bilion pada tahun 2017 (17.3% dari keseluruhan nilai eksport). Nilai eksport ini secara majoritinya disumbang oleh tiga (3) sektor utama iaitu pertanian (48.1%), pembuatan (7.8%), dan perkhidmatan (6.7%).

Selain daripada sumbangan kepada pemantapan ekonomi negara, aktiviti keusahawanan di Malaysia juga dapat memperkasakan tahap sosioekonomi pelbagai lapisan masyarakat termasuk golongan wanita, belia dan yang kurang berkemampuan. Dari segi pemerksaan sosioekonomi wanita, 364,052 usahawan wanita telah

mendapat manfaat daripada pelbagai inisiatif dan sokongan keusahawanan seperti sokongan kewangan, latihan dan infrastruktur perniagaan sepanjang tahun 2017. Inisiatif dan sokongan ini adalah penting bagi menyokong 186,930 perusahaan milik wanita yang merangkumi 20.7% daripada keseluruhan perusahaan di Malaysia.

Perusahaan di Malaysia juga menjana lebih kurang 9.9 juta peluang pekerjaan yang merangkumi 66% daripada keseluruhan peluang pekerjaan di Malaysia. Namun demikian, kebanyakan peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh aktiviti keusahawanan di Malaysia adalah pekerja tidak berkemahiran dan mempunyai kebergantungan yang tinggi kepada pekerja asing. 16% daripada jumlah pekerja keseluruhan di Malaysia merupakan pekerja asing yang terlibat terutamanya di dalam sektor pertanian, perladangan, dan binaan (Survei Tenaga Buruh, 2016).

PROGRAM DAN INISIATIF SEMASA

Menyedari akan kepentingan aktiviti keusahawanan terhadap individu dan masyarakat serta sumbangannya kepada negara, kerajaan telah memberi tumpuan kepada bidang keusahawanan melalui Dasar Ekonomi Baru (1971-1990), Dasar Pembangunan Negara (1990-2000), Dasar Wawasan Negara (2001-2010) dan Model Ekonomi Baru (2011-2020). Keusahawanan juga telah dikenal pasti sebagai salah satu bidang keutamaan nasional di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Keusahawanan juga merupakan elemen penting dalam 40 dasar / pelan induk / pelan tindakan / rancangan kebangsaan yang diterbitkan oleh pelbagai Kementerian dan agensi. Justeru, terdapat pelbagai aktiviti pembangunan keusahawanan telah dijalankan oleh pelbagai agensi pelaksana.




60+ Agensi
Pembangunan
Usahawan (EDO) | **14** Kementerian dan agensi
kerajaan menyelaras program
pembangunan keusahawanan

40 Dasar /
Pelan Tindakan /
Pelan Halatuju
berkaitan
dengan bidang
keusahawanan
di Malaysia



ASM, 2019

Insentif dan program pembangunan keusahawanan yang dilaksanakan di Malaysia adalah bersifat inklusif yang merangkumi keseluruhan rantai nilai (*value chain*). Menurut laporan SME *Integrated Action Plan* (SMEIPA) 2019, terdapat 153 program pembangunan keusahawanan yang dilaksanakan oleh pelbagai Kementerian dan agensi yang melibatkan peruntukan berjumlah RM13.7 bilion dengan 637,808 penerima manfaat.



Kepelbagaian program pembangunan keusahawanan yang dilaksanakan ini bertujuan menyokong pembangunan usahawan dengan mewujudkan perusahaan yang berdaya tahan dan mapan. Ia mensasarkan untuk mengoptimumkan prestasi serta mewujudkan peluang untuk usahawan berkembang dan memajukan perniagaan mereka menerusi peluasan pasaran, inovasi dan peningkatan produktiviti. Program-program yang ditawarkan boleh dikategorikan mengikut beberapa bidang tumpuan. Bidang tumpuan tersebut adalah:



1

**Pembiayaan
Kewangan**



2

**Geran
Penyelidikan**



3

**Latihan dan
Pembangunan
Kapasiti**



4

**Infrastruktur /
Premis Perniagaan /
Peralatan**



5

Teknologi



6

**Akses
Pasaran**



7

**Perusahaan
Sosial**



8

Pengantarabangsaan



1 Pembiayaan Kewangan

Perniagaan atau perusahaan yang berhasrat untuk mengembangkan perniagaan mereka dengan lebih luas sememangnya memerlukan sokongan dari segi dana atau pembiayaan. Oleh yang demikian, pelbagai agensi pembangunan usahawan (EDO) serta institusi kewangan menawarkan pembiayaan dan juga geran perniagaan kepada para usahawan di Malaysia. Secara keseluruhannya, terdapat lebih daripada 44 buah program sokongan kewangan untuk usahawan di Malaysia yang telah memanfaatkan 424,115 usahawan pada tahun 2018 (SMEIPA, 2019).

Antara sokongan kewangan yang terdapat di Malaysia ialah:

Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan TEKUN Nasional:

- Dana pembangunan keusahawanan untuk golongan B40

Credit Guarantee Corporation (CGC)

- Bantuan kewangan dalam bentuk jaminan bank

Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF)

- Pinjaman mudah (*soft loan*)

Pihak kerajaan juga menyediakan insentif cukai bagi menggalakkan penyertaan usahawan tempatan dalam bidang perniagaan tertentu seperti:

- Insentif pengecualian cukai untuk perusahaan sosial
- Insentif cukai untuk sektor teknologi hijau
 - *Green Investment Tax Allowance* (GITA)

Kemunculan perniagaan dan ekonomi jenis baharu yang inovatif telah mengubah landskap pembiayaan dengan tidak bergantung kepada pembiayaan secara tradisional. Akses pembiayaan kepada usahawan telah diberi nafas baharu dengan menitikberatkan kepada pembangunan lebih banyak saluran bukan perbankan dan pembiayaan platform seperti:

- Modal Teroka (*venture capital*)
- Pelabur *Angels*
- Pendanaan orang ramai (*crowdfunding*)
- Platform Akaun Pelaburan (*Investment Account Platform*)
- Peminjaman antara rakan setara (*peer-to-peer*)



2 Geran Penyelidikan

Inisiatif pemberian geran penyelidikan merupakan salah satu bentuk bantuan pembiayaan untuk menggalakkan program inovasi yang berasaskan permintaan dalam memacu peningkatan produktiviti melalui penambahbaikan nilai produk sedia ada industri/perusahaan untuk keperluan pasaran. Kolaborasi antara usahawan, penyelidik dan industri amat penting untuk menjamin kehendak pasaran dipenuhi berdasarkan permintaan.

Antara geran yang diperkenalkan ialah:

Geran Pengkomersialan dan Penyelidikan Vendor (GPPV)

- Meningkatkan penglibatan syarikat dalam penyelidikan dan pengkomersialan bagi menghasilkan produk bernilai tambah tinggi
- Sehingga 2018, GPPV telah menghasilkan lebih daripada 23 buah projek

***Demand-Driven Innovation Project* oleh Jaringan Penyelidikan Awam Swasta (PPRN)**

- Mewujudkan ekosistem yang mesra pengetahuan (*knowledge-friendly ecosystem*) melalui ilmu yang dihasilkan dan disebarkan oleh golongan yang memiliki kepada golongan yang memerlukan
- Menyediakan penyelesaian saintifik dan berteknologi bagi masalah yang dihadapi oleh usahawan dan industri
- PPRN telah berjaya menarik minat 549 buah perusahaan untuk berdaftar dan 304 projek telah berjaya dipadankan



**3**

Latihan dan Pembangunan Kapasiti

Tumpuan dan bantuan turut diberikan kepada usahawan dan pekerja bagi tujuan pengukuhan keupayaan bakat yang boleh meneraju dan mendorong mereka ke arah menjana pertumbuhan perniagaan yang tinggi. Secara keseluruhannya, terdapat lebih daripada 40 program keusahawanan berasaskan latihan dan pembangunan kapasiti yang telah memanfaatkan lebih daripada 130,605 usahawan sepanjang tahun 2018 (SMEIPA, 2019).

Antara dasar dan program pembangunan keusahawanan yang ditawarkan ialah:

Dasar dan Pelan Strategik Keusahawanan IPT oleh Kementerian Pendidikan Malaysia

- Penerapan dan pendedahan kepada budaya dan nilai-nilai keusahawanan ke dalam sistem pendidikan tinggi negara
- Menganjakkan minda pelajar IPT daripada menjadi pencari kerja (*job seeker*) kepada penjana pekerjaan (*job creator*)

Program latihan dan pementapan sumber manusia

- Institut Koperasi Malaysia (IKM): menyediakan bantuan latihan asas keusahawanan dalam membangunkan koperasi secara lebih menyeluruh

- Institut Keusahawanan Negara (INSKEN): menyediakan latihan keusahawanan yang komprehensif dan bersasar
 - INSKEN *High Performing Programmes*
 - INSKEN *Business Scale Up Programme*
 - INSKEN *Start-Up Programme*

Program *skilling-up* dan pementoran

- *Malaysian Global Innovation & Creativity Centre* (MaGIC)
 - *Global Accelerator Programme* (GAP): menyediakan bimbingan kepada *start-ups* yang berpotensi untuk menembusi pasaran Asia Tenggara

Program pembangunan kapasiti usahawan

- *Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs* (PROTÉGÉ): membimbing para belia untuk melahirkan lebih ramai usahawan
 - Latihan Keusahawanan kepada usahawan pelajar dan siswazah
 - Latihan Kebolehpasaran kepada siswazah untuk mendapatkan pekerjaan



4 Infrastruktur / Premis Perniagaan / Peralatan

Program pembangunan keusahawanan yang terdapat di Malaysia juga merangkumi sokongan infrastruktur, sokongan peralatan, dan penyediaan premis perniagaan. Infrastruktur yang sesuai perlu dibangunkan bagi mewujudkan persekitaran yang membolehkan serta menyokong pertumbuhan PKS dan usahawan. Program di bawah bidang tumpuan ini bertujuan untuk menggalakkan aktiviti keusahawanan dengan menyediakan akses kepada premis perniagaan, kemudahan dan infrastruktur sokongan lain.

Sokongan dari segi infrastruktur dan pembangunan teknologi berkaitan disediakan melalui agensi industri khusus seperti:

Malaysia Palm Oil Board (MPOB)

- Seminar dan Pameran Pemindahan Teknologi: memperkenalkan ciptaan baharu hasil penyelidikan utama MPOB kepada pihak industri bagi tujuan adaptasi dan komersial

Malaysia Automotive Robotics and IoT Institute (MARii)

- *Dealer Entrepreneurship Enhancement Programme* (DEEP): membina keupayaan teknikal vendor automotif
- Melaksanakan program adaptasi teknologi berkaitan Industri 4.0 dalam sektor automotif
- Menjalankan bengkel mengenai pembuatan bahan tambahan dan realiti terimbuh (*augmented reality*)

SIRIM Berhad

- Perkhidmatan Penilaian Pematuhan Standard (*standard conformity assessment*)
- Infrastruktur bagi kalibrasi dan pengukuran peralatan industri

MARA

- Program Transformasi Premis Luar Bandar oleh MARA: Menaiktaraf premis perniagaan dan infrastruktur

Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)

- Program PROSPER *Property*: membantu pengusaha untuk mendapatkan premis perusahaan yang strategik



5 Teknologi

Bagi meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan serta memastikan reputasi perniagaan yang kukuh, usahawan seharusnya peka dan bergerak seiring dengan perkembangan teknologi terkini. Aplikasi inovasi dalam penghasilan dan penerapan teknologi akan membantu sesebuah perusahaan untuk lebih menyerlah dalam persaingan di samping dapat membantu meningkatkan prospek pertumbuhan serta peluang perniagaan. Berdasarkan laporan SMEIPA 2019, kerajaan telah melaksanakan 28 buah program bagi membantu 32,683 usahawan tempatan dan usahawantekno dalam bidang penerapan teknologi dan inovasi.

Terdapat pelbagai agensi dan organisasi yang terlibat untuk melaksanakan program berkaitan pembangunan usahawan dalam bidang tumpuan teknologi dan inovasi, antaranya ialah SME Corp Malaysia, *Malaysian Agricultural Research and Development Institute* (MARDI), SIRIM Berhad, *Technology Park Malaysia* (TPM) dan *Malaysia Technology Development Corporation* (MTDC).



Ditubuhkan pada 1992, MTDC merupakan agensi utama yang terlibat dalam pengkomersialan dan pemindahan teknologi, inkubasi, pengurusan dana kerajaan berkaitan teknologi serta peningkatan kadar penerapan teknologi dalam syarikat-syarikat PKS tempatan. Antara inisiatif yang dilaksanakan ialah penubuhan *Centre of Nine Pillars* (Co9P) pada 7 November 2018 sebagai sebuah Hab Komuniti bagi para usahawan teknologi, syarikat-syarikat penyedia dan penerima teknologi, penyelidik-penyelidik daripada universiti serta institut penyelidikan tempatan. Semenjak penubuhan Co9P, sebanyak 20 syarikat teknologi tempatan bertaraf antarabangsa telah menerima pelaburan MTDC.



6 Akses Pasaran

Akses kepada pasaran yang lebih luas membolehkan usahawan tempatan untuk merebut peluang perniagaan yang belum diterokai dan menghasilkan potensi baharu bagi meningkatkan pendapatan serta mengembangkan perniagaan mereka, termasuk di pasaran tempatan dan eksport. Pada tahun 2018 sahaja, 50,197 peserta telah terlibat dalam 27 program secara keseluruhan di bawah bidang tumpuan ini (SMEIPA, 2019).

Antara inisiatif yang telah dijalankan oleh agensi dan kementerian bagi membantu usahawan memperluas akses kepada pasaran dalam bentuk promosi dan pembangunan produk:

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui *Tourism Malaysia* dan *Kraftangan Malaysia*

- Menggalak dan memudahcara usahawan pelancongan, seni, dan budaya bagi meluaskan pasaran produk dan perkhidmatan yang berkaitan

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)

- Berperanan sebagai penghubung dalam rantai nilai aktiviti keusahawanan

Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan MARA

- Menyediakan platform pemasaran untuk produk tempatan bagi mewujudkan keterlihatan (*visibility*) produk dan perkhidmatan buatan Malaysia dalam pasaran domestik

Usaha ini mampu membina jaringan kukuh antara perusahaan kecil dengan syarikat-syarikat besar seperti Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Multinasional (MNC). Ini secara tidak langsung mendorong usahawan-usahawan tempatan untuk melebarkan sayap dan memasuki pasaran baharu.






7 Perusahaan Sosial

Keusahawanan sosial adalah sebuah model keusahawanan yang menghasilkan impak sosial atau alam sekitar yang positif secara proaktif dan pada masa yang sama mempunyai kemampuan kewangan yang mapan. Usaha untuk memantapkan pelaksanaan keusahawanan sosial telah diperluaskan lagi melalui pengenalan Akreditasi Perusahaan Sosial (SE.A) oleh MED untuk mengesahkan status sesuatu perusahaan sosial bagi membantu mereka mendapatkan akses kepada pelbagai sokongan dan peluang yang lebih besar untuk mengembangkan perniagaan. Secara umumnya, melalui proses akreditasi ini sesebuah organisasi yang berstatus Perusahaan Sosial Yang Diiktiraf (*Accredited Social Enterprise*) akan disenaraikan dalam direktori atas talian (*online platform*) SE.A MED bagi memberi akses kepada pelanggan dan orang awam untuk mendapatkan maklumat mengenai sesebuah perusahaan sosial dengan lebih efisien.

Bagi mendapatkan status sebagai sebuah perusahaan sosial yang diiktiraf di Malaysia, sesebuah organisasi perlu memenuhi salah SATU daripada kriteria berikut:

- **51%** tenaga kerja adalah daripada golongan yang kurang bernasib baik
- **35%** kos perniagaan disalurkan untuk menyediakan pendapatan, latihan atau subsidi barangan atau perkhidmatan kepada golongan yang kurang bernasib baik
- **35%** daripada bahan mentah atau sumber pengeluaran dibelanjakan untuk mencapai misi alam sekitar
- **51%** daripada keuntungan diperuntukkan untuk mencapai misi sosial / alam sekitar





8

Pengantarabangsaan

Pasaran bagi produk perusahaan di Malaysia juga perlu meliputi pasaran luar negara. Penyediaan akses kepada rangkaian pasaran antarabangsa secara tidak langsung akan meningkatkan nilai eksport bagi perusahaan tersebut. Pelbagai program pengantarabangsaan telah dilaksanakan bagi membangunkan perusahaan agar lebih berdaya saing di peringkat antarabangsa.

Agensi-agensi seperti SME Corp Malaysia dan *Malaysia External Trade Development Corporation* (MATRADE) telah melaksanakan pelbagai program pengantarabangsaan untuk membangunkan perusahaan tempatan agar mereka lebih berdaya saing di peringkat antarabangsa.

MATRADE

- eTRADE: Menyokong perusahaan tempatan untuk bersaing dalam pasaran e-dagang utama antarabangsa melalui bantuan kewangan, latihan dan khidmat nasihat

- *Women Exporters Development Programme* (WEDP): Menyediakan bantuan yang telah direka khusus untuk menyokong aktiviti pengeksportan bagi perusahaan milik wanita
- *Youth Exporters Development Programme* (YEDP): Program latihan usahawan belia berusia 20 hingga 40 tahun yang berminat dan telah terlibat dalam aktiviti pengeksportan melalui latihan dan bimbingan khusus

SME Corp Malaysia (dengan kerjasama MARA, MATRADE dan Exim Bank)

- Galakan Eksport Bumiputera (GEB): Meningkatkan bilangan dan membangunkan keupayaan pra-eksport PKS Bumiputera yang berprestasi tinggi dan berpotensi untuk pasaran eksport, pada masa yang sama mewujudkan rantai bekalan domestik dalam kalangan PKS Bumiputera

Walaupun bidang keusahawanan dan PKS merupakan penyumbang utama peluang pekerjaan negara ini, lebih banyak usaha perlu dilaksanakan untuk meningkatkan prestasi usahawan Malaysia dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Kewujudan pelbagai program keusahawanan di seluruh kementerian menunjukkan komitmen kerajaan dalam meningkatkan kemahiran usahawan. Namun, dasar yang menyeluruh perlu diselaraskan bagi memurnikan strategi kerajaan dalam bidang keusahawanan dan menetapkan sasaran untuk masa hadapan.

03

ISU DAN CABARAN



Matlamat Malaysia untuk mencapai status negara keusahawanan pada tahun 2030 menuntut kepada penambahbaikan ekosistem keusahawanan yang merangkumi pelbagai aspek termasuklah pasaran, dasar dan polisi, pembiayaan, sokongan, budaya, kemahiran dan bakat serta teknologi dan inovasi. Strategi yang dirangka harus mengambil kira proses peralihan untuk memacu keusahawanan negara daripada keusahawanan berasaskan keperluan dan peluang kepada keusahawanan berasaskan inovasi. Terdapat lapan (8) isu dan cabaran yang dikenal pasti dan perlu ditangani melalui polisi ini agar ekosistem keusahawanan yang kondusif dapat diwujudkan bagi memperkasa usahawan tempatan untuk bersaing di peringkat nasional dan global.






BUDAYA & PEMIKIRAN

Kejayaan ekonomi usahawan banyak bergantung kepada daya usaha dan kemahiran mereka sendiri meskipun terdapat banyak bentuk sokongan daripada kerajaan. Justeru, usaha membantu dan memberikan sokongan kepada usahawan perlu dibuat secara holistik dan strategik untuk mengurangkan kebergantungan mereka kepada bantuan kerajaan. Selain itu, usahawan juga perlu dipupuk dengan semangat keusahawanan yang jitu, agar mereka terus mencari peluang bagi melonjakkan perniagaan mereka ke tahap yang lebih tinggi.

Semangat tersebut dapat dicapai sekiranya usahawan tersebut bersedia untuk melakukan anjakan dan mengubah orientasi minda mereka daripada keusahawanan berasaskan keperluan kepada keusahawanan berasaskan peluang dan seterusnya kepada keusahawanan berasaskan inovasi. Perubahan ini hanya dapat direalisasikan dengan peralihan daripada pemikiran tetap (*fixed mindset*) kepada pemikiran pertumbuhan (*growth mindset*). Dengan langkah ini, negara boleh meningkatkan jumlah usahawan yang berasaskan peluang dan inovasi.



PERUBAHAN DEMOGRAFI DAN TREN SOSIOEKONOMI

Dalam dunia tanpa sempadan, pasaran tidak hanya terbatas kepada pasaran tempatan sahaja. Malah, pasaran global yang melangkaui 32 juta penduduk Malaysia juga perlu dimanfaatkan. Usahawan tempatan perlu memberi fokus kepada pasaran serantau seperti ASEAN yang merangkumi sekurang-kurangnya 690 juta penduduk. Peluang ini harus diambil oleh usahawan tempatan agar dapat menerokai pasaran luar dengan mengaplikasikan penggunaan teknologi digital semaksima mungkin.

Malaysia bakal muncul sebagai negara tua (*ageing nation*) menjelang 2030. Perubahan tersebut akan memberi kesan terhadap bilangan tenaga kerja dan pertambahan penggunaan sumber untuk menampung keperluan warga emas. Untuk kekal produktif, perusahaan di Malaysia perlu mencari alternatif dalam bentuk penyerapan teknologi untuk menjalankan aktiviti perniagaan mereka.

Lebih dari 7% daripada populasi negara adalah yang berumur 65 tahun dan ke atas. Peratusan ini dijangka meningkat kepada 14.5% pada tahun 2040 di mana umur median masyarakat Malaysia meningkat dari 28.1 tahun pada tahun 2018 kepada 38.3 tahun menjelang tahun 2040.

Di samping itu, megatrend seperti *Internet of Things* (IoT), data raya atau pusat pengumpulan data, serta sifar karbon bakal mengubah gaya dan cara hidup pengguna. Trend sebegini akan memberi kesan terhadap ekspektasi pengguna. Kelemahan usahawan tempatan untuk mengadaptasi dan menyerap teknologi dalam urusan perniagaan akan menyebabkan mereka tidak dapat bersaing dalam pasaran yang dinamik.



PERANCANGAN, PELAKSANAAN & PEMANTAUAN PRESTASI

Sistem sokongan untuk pembangunan keusahawanan di Malaysia terdiri daripada rangkaian perkhidmatan yang disediakan oleh pelbagai kementerian dan agensi kerajaan. Penglibatan lebih 60 agensi dalam pembangunan keusahawanan menunjukkan kerajaan sangat serius dalam memastikan agenda keusahawanan negara dapat dilaksanakan dengan holistik. Namun demikian, kebanyakan agensi yang menjalankan usaha keusahawanan ini cenderung bergerak secara sendirian (*silo*). Justeru, keberkesanan strategi ini sering dipersoalkan sama ada ia menyumbang kepada kebaikan pengagihan untuk memastikan capaian kepada kumpulan sasaran atau pembaziran sumber kerana duplikasi fungsi dan tugas. Selain itu, kebarangkalian untuk pertindihan dasar dan polisi berkaitan keusahawanan antara kementerian dan agensi berlaku adalah sangat tinggi.

Oleh itu, petunjuk prestasi utama (KPI) dan kaedah penilaian berkala ke arah pencapaian matlamat strategik perlu dikenalpasti dan dibangunkan dengan jelas. Pencapaian usaha keusahawanan ini harus diukur pada setiap peringkat termasuk pencapaian individu, kumpulan, agensi dan juga organisasi bersesuaian dengan mandat masing-masing. Hal demikian adalah kerana pada masa kini, kebanyakan pengukuran hanya tertumpu kepada sumbangan terhadap KDNK dan kadar eksport negara. Pengukur prestasi lain seperti faktor-faktor yang menunjukkan kesejahteraan rakyat (*Well-being Index*) juga harus diambil kira bagi menunjukkan perlaksanaan model ekonomi inklusif yang mengambil pendekatan “Kemakmuran Bersama”.



PROSEDUR, POLISI & UNDANG-UNDANG


Prosedur, polisi dan undang-undang yang tidak seiring dengan keperluan, teknologi, dan perkembangan global akan menyekat perkembangan usahawan untuk beranjak daripada keusahawanan berasaskan keperluan dan peluang kepada keusahawanan berasaskan inovasi. Ini dilihat sebagai faktor penghalang kepada kemajuan usahawan tempatan. Sehubungan itu, mekanisme berkesan perlu dipelopori untuk membentuk kerjasama antara kementerian, agensi dan badan penguatkuasa bagi memberi ruang kepada percubaan model-model perniagaan baharu agar bersesuaian dengan perkembangan teknologi internet dan komunikasi masa kini serta evolusi e-dagang di peringkat global.



CAPAIAN KEPADA SUMBER PEMBIAYAAN KEWANGAN

Masalah capaian kepada sumber kewangan ini berpunca daripada jurang ekspektasi di antara pihak pembiaya dan pengusaha. Literasi usahawan yang lemah dalam pengurusan rekod kewangan syarikat menyebabkan fasilitasi ini sukar dijalankan. Masalah ini diburukkan lagi apabila usahawan menghadapi kesukaran untuk menyediakan aset yang boleh diterima oleh pihak pembiaya sebagai cagaran.

Peranan Institusi Kewangan Pembangunan (DFI) yang mirip bank komersial turut menyukarkan golongan usahawan untuk mendapatkan bantuan kewangan. Ini kerana, usahawan menghadapi kekangan untuk mengatasi risiko yang tinggi bagi memulakan perniagaan baharu. Selain itu, kekurangan faktor pendorong dan minat menyebabkan ramai usahawan tidak mahu meneroka peluang baharu dalam bidang keusahawanan. Maka, penyelesaian yang holistik perlu dicari untuk mengurangkan jurang-jurang ini supaya sumber pembiayaan dapat dioptimumkan penggunaannya oleh usahawan bagi mengembangkan perniagaan dan melaksanakan strategi penskalaan (*scaling-up*).



TEKNOLOGI

Pasaran masa kini juga bukan sahaja terhad kepada sektor borong dan peruncitan, malah berkembang ke platform maya dengan kewujudan pelbagai e-pasaran. Perubahan aktiviti pemasaran melalui perniagaan atas talian membuka peluang pasaran yang lebih luas kepada usahawan. Namun, kegagalan usahawan mengambil peluang ini untuk penskalaan menyebabkan jurang yang ketara di antara usahawan tempatan dan usahawan global.

Antara cabaran yang dihadapi oleh perusahaan di Malaysia adalah penyerapan teknologi yang sederhana di mana majoriti keperluan pekerja adalah tenaga separuh mahir. Kelemahan mengadaptasi teknologi dan kebergantungan terhadap tenaga buruh berkemahiran rendah menyebabkan penskalaan produktiviti terbantut. Keadaan ini menghalang persaingan usahawan tempatan dalam pasaran global, sekaligus menghadkan pasaran mereka. Sekiranya tren ini berterusan, perancangan memacu negara menjadi negara keusahawanan berasaskan inovasi akan terjejas.

Menurut Survei Guna Tenaga Suku Kedua 2018, dari 8,474,000 pekerjaan yang ditawarkan, hanya 24.3% merupakan kategori mahir dan selebihnya adalah kategori separuh mahir (62.2%) dan kemahiran rendah (13.5%). Peratus kekosongan jawatan yang belum diisi juga lebih tinggi dalam kategori separuh mahir (108,000) iaitu lebih dua kali ganda berbanding kekosongan jawatan kategori mahir (51,000).



KEUPAYAAN, KEMAMPAHAN DAN PENSkalaan PERNIAGAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA

Kegagalan usahawan untuk melihat perniagaan dalam perspektif rantaian nilai secara keseluruhan menyebabkan mereka sukar untuk mengekalkan daya saing, melestari dan mengembangkan perniagaan ke tahap yang lebih tinggi. Keadaan menjadi lebih buruk sekiranya rantaian bekalan sektor perniagaan tersebut dimonopoli oleh sesetengah pihak, yang mana harga bekalan dikuasai oleh mereka. Sehubungan itu, kaedah inovatif perlu dicari bagi memecahkan monopoli ini untuk menggalakkan persaingan yang sihat dalam pasaran.

Selain polisi, dasar dan sistem sokongan perniagaan, faktor peribadi seperti kemahiran pengurusan usahawan, motivasi dan cita-cita mereka juga amat kritikal dalam menentukan kelestarian dan penskalaan perusahaan. Terdapat sebilangan pengusaha yang lebih selesa kekal sebagai peniaga dan tidak mempunyai cita-cita untuk menjadi usahawan di peringkat global. Cabaran kepada agensi pembangunan keusahawanan ialah untuk mengenal pasti pengusaha yang mempunyai potensi untuk diberikan sokongan yang sewajarnya demi mengelakkan pembaziran sumber.



PENDIDIKAN DAN KEMAHIRAN

Dalam aspek pendidikan dan kemahiran, isu terbesar adalah kesukaran mengimbangi penawaran dan permintaan (*supply and demand*) tenaga kerja dalam pelbagai sektor. Lambakan graduan yang hanya memiliki segulung ijazah tanpa sebarang nilai tambah menjadikan majikan begitu teliti dalam memilih bakal pekerja. Pada masa yang sama, ramai graduan terperangkap dalam situasi di mana mereka memilih kerjaya yang tidak sepadan dengan kelayakan yang dimiliki. Seharusnya, graduan yang berkemahiran tinggi perlu memupuk inovasi dan kreativiti untuk berani menerokai bidang baharu serta menganjakkan minda daripada pencari kerja kepada penjana pekerjaan. Ini amat signifikan disebabkan persaingan pasaran pekerjaan yang semakin kompetitif.

Data menunjukkan bahawa pengangguran dalam kalangan graduan baharu IPT pada tahun 2018 adalah sekitar 19.8% atau seramai 57,411 orang; sementara peratus kekosongan kategori kerja mahir dan separuh mahir yang belum diisi pada suku kedua 2018 ialah sebanyak 159,000.



Strategi untuk meningkatkan taraf hidup dan sosioekonomi masyarakat Malaysia telah dilaksanakan oleh kerajaan. Pelbagai dasar dan peraturan telah dirangka oleh kementerian dan agensi kerajaan untuk menyokong matlamat pembangunan keusahawanan di negara ini. Namun, masih banyak ruang yang perlu ditambah baik. Memandangkan kebanyakan usaha pembangunan keusahawanan di Malaysia telah sekian lama diterajui oleh kerajaan, penglibatan pihak swasta dan komuniti yang lebih aktif amatlah diharapkan agar ekosistem keusahawanan sedia ada boleh ditambahbaik. Justeru, faktor-faktor penting yang mempengaruhi ekosistem keusahawanan perlu dikenal pasti dengan merangka strategi penambahbaikan untuk menangani isu dan cabaran demi mencapai matlamat Malaysia Negara Keusahawanan menjelang 2030.

04

DASAR KEUSAHAWANAN NASIONAL 2030



PENYATAAN DASAR

“Malaysia Negara Keusahawanan Unggul 2030”

DKN merupakan satu dokumen strategi jangka panjang yang dirangka untuk menetapkan hala tuju pembangunan keusahawanan negara dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara keusahawanan menjelang tahun 2030.

Dalam usaha memenuhi aspirasi ini, sebuah ekosistem keusahawanan yang dinamik akan diwujudkan bagi memastikan semua golongan dan lapisan masyarakat Malaysia dapat memanfaatkan dan/atau meneroka sepenuhnya potensi masing-masing bagi melibatkan diri secara serius dalam bidang keusahawanan.



OBJEKTIF DASAR

Perancangan dan formulasi strategi dalam DKN telah mengambil kira faktor jangka pendek, sederhana dan panjang, serta garis masa bagi menyusun rancangan pelaksanaan yang berkesan dengan menetapkan objektif dan sasaran sebagai indikasi yang boleh diukur untuk memudahkan proses pelaksanaan, pemantauan serta penilaian. Berikut merupakan objektif utama yang telah ditetapkan bagi dasar ini:

- Mewujudkan ekosistem keusahawanan yang holistik dan kondusif bagi menyokong agenda pembangunan sosioekonomi negara Malaysia yang inklusif, seimbang dan mapan
- Membentuk masyarakat Malaysia yang berpemikiran dan berbudaya keusahawanan
- Meningkatkan bilangan usahawan negara yang berkualiti, berdaya maju, berdaya tahan, berfikiran global dan kompetitif
- Mempertingkatkan kemampuan perusahaan mikro, kecil dan sederhana serta koperasi
- Menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan

DEFINISI DAN SKOP

Keusahawanan merupakan nadi kepada perniagaan. Takrifan keusahawanan akan sentiasa berubah seiring dengan evolusi lanskap perniagaan, terutamanya dari aspek proses, individu dan entiti perniagaan. Dalam konteks negara Malaysia, definisi Keusahawanan, Usahawan dan Perusahaan yang akan diguna pakai adalah:

Keusahawanan (Proses)

Proses yang dinamik dalam mengenal pasti, mencipta, menilai dan/atau mengeksplorasi peluang perniagaan.

Usahawan (Individu)


Individu yang mengambil tanggungjawab dan risiko memulakan, membangunkan dan mengembangkan sesebuah perusahaan dengan menggembeleng sumber-sumber menjadi sesuatu yang mendatangkan hasil kekayaan dan/atau kesejahteraan sejagat.

Perusahaan (Entiti)

Entiti yang diwujudkan untuk menjalankan aktiviti perniagaan sama ada berorientasikan keuntungan ataupun bukan berorientasikan keuntungan secara individu dan berkumpulan.

SASARAN DASAR

DKN telah menggariskan sasaran jangka masa sederhana dan panjang untuk memastikan pencapaian aspirasi Malaysia sebagai sebuah negara keusahawanan menjelang 2030. Sasaran yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:



ASM, 2019

KERANGKA DASAR

Masyarakat Malaysia yang berbudaya dan berpemikiran keusahawanan merupakan asas dalam pembentukan Malaysia sebagai sebuah negara keusahawanan. Justeru, kerjasama kolektif di antara pihak kerajaan dan pihak berkepentingan lain melalui pelaksanaan strategi dan inisiatif yang digariskan di bawah DKN adalah signifikan bagi mewujudkan sebuah ekosistem yang kondusif dan lengkap.

Ekosistem keusahawanan yang ideal adalah satu sistem yang mampu menyokong segala bentuk aktiviti keusahawanan dalam melahirkan usahawan yang berjaya. Terdapat tujuh (7) elemen utama dalam ekosistem yang harus dibentuk untuk memantapkan komuniti keusahawanan.

1. Pasaran

Keupayaan untuk menembusi pasaran melalui kegiatan promosi serta perluasan rangkaian jaringan global.

2. Dasar & Polisi

Komponen utama yang menjadi panduan kepada penetapan hala tuju dan visi keusahawanan dalam negara melalui penubuhan institusi pelaksana dan penyelidikan, mekanisma penggubalan dan pengawalseliaan peraturan serta undang-undang.

3. Pembiayaan

Akses kepada pembiayaan kewangan yang berstruktur dan berfokus untuk aktiviti keusahawanan di pelbagai peringkat perniagaan melalui pelbagai kaedah pembiayaan konvensional, alternatif dan kolaboratif.

4. Sokongan

Penyediaan sokongan yang kukuh untuk bidang keusahawanan dari aspek infrastruktur fizikal dan digital serta perkhidmatan advokasi profesional seperti perundangan, perakaunan dan kepakaran teknikal.

5. Budaya

Pembudayaan minda keusahawanan yang memupuk sifat kreativiti, berani mengambil risiko dan peluang, tidak takut dengan kegagalan dan berpandangan jauh.


6. Kemahiran & Bakat

Melahirkan usahawan yang berkemahiran dan berpengetahuan melalui sistem pendidikan dan latihan keusahawanan yang berstruktur dan diiktiraf.

7. Teknologi & Inovasi

Penerapan unsur inovasi dengan mewujudkan nilai tambah produk dan perkhidmatan melalui aktiviti penyelidikan dan pembangunan di samping mengambil kira cabaran teknologi disruptif dan baharu muncul.

EKOSISTEM KEUSAHAWANAN





Enam (6) Teras Strategik telah dirangka bagi mencapai sasaran yang ditetapkan di bawah DKN.



TERAS STRATEGIK 1

Membudayakan Keusahawanan dalam Sege-nap Lapisan Masyarakat

2 STRATEGI & 10 INISIATIF



TERAS STRATEGIK 2

Mengoptimumkan Sistem Kawal Selia dan Capaian kepada Pembiayaan Kewangan


6 STRATEGI & 18 INISIATIF



TERAS STRATEGIK 3

Merangsang Pembangunan Keusahawanan Bersepadu dan Holistik

3 STRATEGI & 9 INISIATIF



TERAS STRATEGIK 4

Memacu Pertumbuhan Ekonomi Melalui Perusahaan Berteraskan Inovasi

2 STRATEGI & 6 INISIATIF



TERAS STRATEGIK 5

Memantapkan Keupayaan dan Prestasi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana

4 STRATEGI & 14 INISIATIF



TERAS STRATEGIK 6

Mengantarabangsakan Perusahaan Berpertumbuhan Tinggi

2 STRATEGI & 5 INISIATIF



TERAS STRATEGIK 1: Membudayakan Keusahawanan dalam Segenap Lapisan Masyarakat

Persoalan Utama:

Bagaimana cara untuk membudayakan keusahawanan dalam kalangan rakyat Malaysia?

Pemangkin Perubahan:

Menjadikan sifat kreatif, inovatif, berani mengambil risiko dan peluang sebagai asas kepada budaya keusahawanan

Proses pembudayaan keusahawanan merupakan satu proses jangka panjang yang memerlukan komitmen dan usaha berterusan. Usaha untuk memupuk budaya keusahawanan akan dilaksanakan dari peringkat awal dan langkah terbaik adalah menerusi sistem pendidikan negara. Penglibatan golongan pelajar di peringkat sekolah rendah, menengah, IPT serta masyarakat umum akan memupuk bakat yang mempunyai pemikiran, atribut dan nilai keusahawanan yang mantap, sekali gus menghasilkan lebih ramai lagi usahawan yang kreatif dan inovatif serta berani mengambil risiko dan meneroka peluang demi memajukan diri.

Adalah amat penting untuk negara melahirkan sebanyak mungkin bilangan atau kelompok usahawan yang berkualiti dan berkemahiran tinggi demi memastikan ekosistem keusahawanan sedia ada dapat diperkasa dan ditambahbaik. Usaha pembudayaan keusahawanan perlu dilaksanakan secara holistik dan disemai dalam kalangan rakyat umumnya agar mereka cakna tentang kelebihan serta manfaat yang dapat diperolehi daripada bidang keusahawanan.

Teras Strategik 1 ini disokong oleh **2 STRATEGI** dan **10 INISIATIF**

Strategi A1:

Mewujudkan bilangan komuniti usahawan yang optimum (*critical mass*)

1. Memperkasakan program capaian (*outreach*) dan kesedaran keusahawanan di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan dengan penglibatan dan kolaborasi semua pemegang taruh.
2. Meningkatkan kesedaran pelbagai peluang keusahawanan merangkumi sektor ekonomi terpilih dan pertumbuhan tinggi.
3. Memanfaatkan media sebagai saluran penyebaran maklumat dan impak positif keusahawanan terhadap ekonomi dan pembangunan masyarakat.
4. Memartabatkan ikon keusahawanan melalui pelbagai insentif dan pengiktirafan.
5. Mempromosikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan kepada belia, wanita dan golongan B40 terutamanya dalam kalangan Bumiputera.

Strategi A2:

Memantapkan pelaksanaan pendidikan dan kemahiran keusahawanan

1. Menerapkan nilai dan budaya keusahawanan ke dalam sistem pendidikan bermula dari peringkat sekolah rendah hingga pendidikan tinggi.
2. Meningkatkan kualiti latihan keusahawanan menerusi pensijilan dan akreditasi kurikulum.
3. Memasukkan komponen perantisan keusahawanan dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).
4. Menyediakan latihan keusahawanan dan sokongan yang berstruktur untuk usahawan dalam kalangan pelajar dan siswazah Bumiputera.
5. Mengukuhkan kerjasama antara industri / perniagaan dengan institusi pendidikan / akademik merangkumi program pementoran dan latihan pengajar.



TERAS STRATEGIK 2: Mengoptimumkan Sistem Kawal Selia dan Capaian Kepada Pembiayaan Kewangan

Persoalan Utama:

Bagaimana cara untuk meningkatkan tahap tadbir urus, pengawal seliaan dan pembiayaan untuk menyediakan ekosistem keusahawanan yang kondusif?

Pemangkin Perubahan:

Tadbir urus, pengawalseliaan dan pembiayaan yang fleksibel dan fasilitatif untuk memudahcara penerokaan pelbagai bidang keusahawanan

Sistem tadbir urus yang baik, cekap dan efisien akan memudahcara pengurusan operasi yang lebih berkesan dan telus. Konsep ini amat bertepatan dengan langkah kerajaan untuk memenuhi aspirasi negara berasaskan prinsip keadilan, berintegriti dan pematuhan undang-undang (*rule of law*). Dalam konteks keusahawanan pula, sistem tadbir urus yang baik akan menghasilkan kondisi dan persekitaran yang sangat memberangsangkan untuk memulakan perniagaan, serta membina keyakinan yang utuh dalam kalangan usahawan untuk terus bergiat dalam bidang keusahawanan di negara ini. Tambahan pula, tadbir urus yang baik mampu mengurangkan karenah birokrasi di samping melicinkan pelaksanaan projek atau penyaluran program bantuan kepada golongan yang layak dengan saksama tanpa sikap pilih kasih.

Pengawalseliaan dan prosedur berkaitan keusahawanan tetap penting untuk membantu melancarkan proses pengurusan perniagaan dan perusahaan berdasarkan kepada undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan, di samping memastikan kepentingan serta hak-hak usahawan terpelihara. Ketelusan dan integriti

juga dituntut untuk menjamin persekitaran perniagaan yang meyakinkan dan kondusif untuk semua pihak. Namun, terdapat sesetengah undang-undang atau peraturan yang dianggap terlalu ketat dan bersifat tidak fleksibel yang mana telah menyekat hak individu untuk terus berniaga atau merencatkan aktiviti perniagaan yang tertentu untuk terus berkembang dan bergerak maju ke hadapan. Sehubungan dengan itu, undang-undang dan peraturan yang dirangka perlulah bersifat fasilitatif dan kurang mengekang (*less stringent*) supaya sektor perniagaan yang baharu muncul dan berpotensi dapat diterokai dan dieksploitasi oleh usahawan tempatan.

Pembiayaan kewangan yang inklusif dan mencukupi amat penting dalam merangsang pertumbuhan ekonomi serta kelangsungan perkembangan bidang keusahawanan di Malaysia. Penyediaan platform pembiayaan alternatif dan perluasan pilihan kepada perkhidmatan pinjaman tanpa cagaran akan memberi peluang dan akses pembiayaan lebih kompetitif kepada usahawan untuk membiayai projek yang berskala besar.

Teras Strategik 2 ini disokong oleh **6 STRATEGI** dan **18 INISIATIF**

Strategi B1:

Mengalakkan tadbir urus yang baik

1. Menambahbaik prosedur berasaskan ICT dalam proses pendaftaran, pelaporan dan pemantauan perniagaan.
2. Memastikan prosedur dilaksanakan secara seragam dan telus untuk mengelakkan salah laku rasuah, pilih kasih dan nepotisme.
3. Mengukuhkan pemahaman dan akses kepada maklumat prosedur perniagaan, undang-undang dan peraturan dalam meningkatkan pematuhan.

Strategi B3:

Memantapkan pemantauan dan penilaian keberhasilan dan impak

1. Menubuhkan Majlis Keusahawanan di peringkat nasional yang berperanan untuk menilai dan memantau keberhasilan dan impak serta mencadangkan pelan tindakan dan penambahbaikan dasar.
2. Membangunkan pusat data raya dan analitik keusahawanan yang dapat menghasilkan maklumat keusahawanan seperti program yang dilaksanakan, kuantiti dan kualiti usahawan, jurang atau peluang, serta trend keusahawanan.

Strategi B5:

Mengurangkan stigma kebangkrapan

1. Memperkenalkan program intervensi untuk mengurangkan risiko kebangkrapan.
2. Memudahcara proses urusan permulaan semula perniagaan dan penghapusan status bankrap.

Strategi B2:

Merasionalisasi peranan dan fungsi EDO

1. Menyusun semula peranan dan fungsi pelbagai EDO untuk mengoptimumkan penggunaan sumber.
2. Menjajar semula program keusahawanan yang dilaksanakan oleh pelbagai EDO.

Strategi B4:

Memantap dan menambahbaik undang-undang dan peraturan perniagaan

1. Mengkaji semula undang-undang dan peraturan sedia ada yang memberi kesan negatif terhadap kecekapan dan kemudahan menjalankan perniagaan termasuk di peringkat PBN dan PBT.
2. Merangka peraturan fasilitatif untuk merungkai sektor ekonomi bernilai tinggi seperti mobiliti udara, pengangkutan dan penjagaan kesihatan.
3. Mengimbangi peraturan dan piawaian dengan objektif pembangunan mapan.
4. Menurunkan kos penubuhan dan pengurusan perniagaan.
5. Menggalakkan persaingan sihat dengan mengurangkan halangan kemasukan (*entry barrier*) perniagaan baharu.

Strategi B6:

Menambahbaik akses pembiayaan dan sistem kewangan yang inklusif untuk usahawan dan perusahaan

1. Menambahbaik akses sumber pembiayaan alternatif termasuk modal teroka, *angel investors* dan platform pendanaan orang ramai (*crowdfunding*).
2. Meningkatkan akses kepada perkhidmatan kewangan tertentu termasuklah pinjaman tanpa cagaran.
3. Memperkasa peranan DFI.
4. Memudahcara akses dan capaian maklumat ekosistem pembiayaan holistik untuk pelbagai kumpulan sasar dan kitaran hayat perniagaan.



TERAS STRATEGIK 3: Merangsang Pembangunan Keusahawanan Bersepadu dan Holistik

Persoalan Utama:

Bagaimana bidang keusahawanan dapat menjadi pemangkin ke arah mencapai wawasan Kemakmuran Bersama?

Pemangkin Perubahan:

Meningkatkan peluang menceburi bidang keusahawanan kepada semua lapisan masyarakat untuk menaik taraf status sosioekonomi negara

Keusahawanan adalah untuk semua. Ianya tidak terhad kepada sesetengah individu sahaja. Dengan memastikan pembangunan keusahawanan dilaksanakan secara bersepadu dan holistik, matlamat kerajaan untuk menyusun semula masyarakat melalui gagasan Kemakmuran Bersama dapat dicapai. Melalui aktiviti keusahawanan, jurang pendapatan antara rakyat akan dapat dirapatkan dengan penjana pendapatan tambahan serta pewujudan peluang pekerjaan baharu yang merangsang pertumbuhan sosioekonomi negara.

Kerajaan sentiasa menggalakkan penglibatan rakyat dalam bidang keusahawanan terutamanya golongan B40, orang kelainan upaya (OKU), orang Asli / Asal, wanita, belia dan Bumiputera. Tumpuan khusus diberikan oleh agensi kerajaan dan swasta dengan menyediakan pelbagai sokongan dan platform dalam bentuk program, insentif pembiayaan dan latihan keusahawanan untuk menarik minat mereka agar terlibat secara serius dalam bidang keusahawanan. Para usahawan juga digesa bersikap lebih proaktif dalam memajukan perniagaan dan keluar daripada zon selesa dengan meletakkan matlamat tinggi untuk memasarkan produk sehingga ke peringkat antarabangsa.

Koperasi dan perusahaan sosial turut dilihat sebagai pendekatan yang baik bagi merangsang pembangunan keusahawanan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Koperasi yang mengguna pakai konsep mencipta keuntungan melalui aktiviti milikan bersama adalah sesuai untuk diaplikasikan dalam kalangan golongan berpendapatan rendah dan luar bandar. Perusahaan sosial pula merupakan sebuah model keusahawanan yang tidak hanya berorientasikan keuntungan semata-mata, malah menekankan kepada pewujudan masyarakat yang berimpak positif melalui tanggungjawab untuk menyelesaikan masalah sosial dan alam sekitar. Kedua-dua pendekatan ini mengutamakan kesejahteraan rakyat dan bertepatan dengan prinsip inklusiviti dan keterangkuman.

Matlamat untuk memenuhi aspirasi Kemakmuran Bersama hanya mampu direalisasikan sekiranya jurang kekayaan dapat dirapatkan bagi membawa bersama rakyat yang ketinggalan supaya terbela dan diperkasa. Ini akan memastikan hasil kekayaan yang dijana oleh negara akan dapat diagihkan secara menyeluruh supaya tiada lagi golongan yang terpinggir dari arus perdana pembangunan negara.

Teras Strategik 3 ini disokong oleh **3 STRATEGI** dan **9 INISIATIF**

Strategi C1:

Memberi sokongan ke arah usaha keusahawanan dalam kalangan Bumiputera, kumpulan fokus khas dan golongan terpinggir

1. Memperkasakan program capaian (*outreach*) kepada golongan terpinggir termasuk B40, kawasan pedalaman dan OKU.
2. Program bantuan dan intervensi bersasar untuk meningkatkan keupayaan dan kemahiran keusahawanan Bumiputera, golongan terpinggir dan kumpulan fokus khas termasuk kaum wanita, belia, warga emas dan masyarakat Orang Asli / Asal.
3. Mewujudkan “ruang inkubasi asas” di kawasan pedalaman dan ekonomi terpinggir (*economically depressed*) untuk usahawan baharu.

Strategi C3:


Memantapkan pelaksanaan keusahawanan sosial

1. Meningkatkan kesedaran dan pemahaman tentang konsep keusahawanan sosial melalui pembinaan komuniti yang kukuh.
2. Menyediakan program sokongan dan pembangunan kapasiti yang berterusan kepada usahawan sosial untuk mengembangkan pasaran dan peluang perniagaan serta penskalaan dan kelestarian perusahaan.
3. Melaksanakan model Perniagaan Inklusif (IB) dalam rantai nilai syarikat berstatus besar seperti LLC dan MNC bagi memberi manfaat kepada perusahaan mikro.

Strategi C2:

Koperasi sebagai pemacu kepada pembangunan sosioekonomi yang inklusif

1. Memperkasa gerakan koperasi dalam kalangan B40 dan masyarakat luar bandar, termasuk menggalakkan penubuhan koperasi berasaskan komuniti.
2. Meningkatkan kapasiti dan keupayaan koperasi dalam sektor ekonomi utama melalui perluasan akses kepada program, bantuan dan peluang perniagaan setara dengan PKS.
3. Mentransformasi landskap ekosistem koperasi dengan melaksanakan anjakan paradigma terhadap struktur agensi koperasi serta meliberalisasikan kerangka perundangan koperasi.



TERAS STRATEGIK 4: Memacu Pertumbuhan Ekonomi Melalui Perusahaan Berteraskan Inovasi

Persoalan Utama:

Bagaimana pertumbuhan ekonomi dapat dipacu melalui perusahaan berteraskan inovasi?

Pemangkin Perubahan:

Meningkatkan kolaborasi di antara usahawan, inovator dan penyelidik dalam penubuhan, pembangunan dan pengembangan perusahaan

Inovasi merupakan salah satu elemen penggerak utama dalam memacu ekonomi sesebuah negara. Produk atau perkhidmatan yang melalui proses inovasi akan mempunyai nilai tambah dan lebih berdaya saing berbanding di pasaran. Namun, penghasilan produk inovasi yang mempunyai nilai tambah ini perlu disokong oleh ekosistem inovasi yang rancak. Ekosistem inovasi dan keusahawanan sedia ada perlu distruktur semula dan ditambahbaik supaya kekal relevan dan memenuhi kehendak ekonomi masa depan. Penggunaan teknologi dan pemakaian (*adoption*) ekonomi digital secara menyeluruh akan secara tidak langsung mewujudkan sistem pengurusan perniagaan dan operasi yang lebih terkini dan efektif, selain meningkatkan kualiti produk serta mengurangkan kebergantungan terhadap penggunaan tenaga kerja buruh.

Komunikasi dan kolaborasi antara usahawan, inovator dan penyelidik merupakan kunci kepada peningkatan kadar pengkomersialan produk inovasi yang terhasil di negara ini melalui penggabungan hasil inovasi dan keperluan industri. Sinergi yang dihasilkan sangat

signifikan dalam memastikan perusahaan tempatan dapat menambah nilai produk dan mencipta inovasi yang praktikal dan mendapat sambutan pasaran.

Bagi menjana ekonomi negara kepada aras yang lebih tinggi dan relevan dengan perkembangan zaman, Malaysia harus meneliti dan mempelopori sektor-sektor pertumbuhan baharu yang berpotensi. Antara sektor yang telah dikenal pasti adalah seperti industri rel, peralatan perubatan, ruang angkasa, automotif, ekonomi digital, bioteknologi dan tenaga boleh diperbaharui. Sokongan juga perlu diberi untuk mempertingkatkan bilangan usahawan agar kekuatan kapasiti dapat diwujudkan dalam sektor-sektor berpertumbuhan tinggi yang telah dikenalpasti. Keadaan ini akan menghasilkan perusahaan yang berteraskan inovasi yang mampu untuk kekal kompetitif sekaligus melonjakkan ekonomi negara ke aras yang lebih tinggi.

Teras Strategik 4 ini disokong oleh **2 STRATEGI** dan **6 INISIATIF**

Strategi D1:

Menyokong perusahaan berteraskan inovasi dan pertumbuhan tinggi

1. Memecut penubuhan perusahaan berteraskan inovasi dan pertumbuhan tinggi melalui bantuan bersasar dalam sembilan (9) tonggak Industri 4.0 termasuk automasi, pendigitalan dan kecerdasan buatan (AI).
2. Memperkukuh ekosistem inovasi di peringkat nasional dalam menyokong potensi sebenar *start-ups* ke arah industri masa depan dengan mewujudkan kluster keusahawanan di samping membina keupayaan sektor kewangan bagi memenuhi keperluan khusus *start-ups* yang didorong oleh inovasi dan berteknologi tinggi.
3. Menyediakan pinjaman berasaskan prestasi dan insentif inovasi termasuk penggunaan Harta Intelek (IP) sebagai cagaran.

Strategi D2:

Memudahcara proses pertukaran teknologi dan inovasi

1. Memudahkan proses tukar-pakai (*uptake*) hasil penyelidikan & pembangunan (P&P) dan memantapkan kolaborasi di antara industri / PKS dan akademik / institut penyelidikan.
2. Membina rangkaian sektor berpengetahuan intensif bersama peneraju teknologi dan saintis terkemuka serta ahli akademik di seluruh dunia.
3. Mewujudkan kerjasama mesra pasaran antara industri-akademia untuk menyebarkan luas hasil inovasi.



TERAS STRATEGIK 5: Memantapkan Keupayaan dan Prestasi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana

Persoalan Utama:

Bagaimana daya saing perusahaan mikro, kecil dan sederhana dapat dipertingkatkan?

Pemangkin Perubahan:

Melonjakkan perusahaan mikro, kecil dan sederhana ke tahap yang lebih tinggi melalui inisiatif tambah nilai dan inovasi proses, produk serta perkhidmatan

Pemeriksaan usahawan mikro, kecil dan sederhana perlu dipergiat bagi membekalkan mereka dengan kemahiran dan keupayaan yang perlu untuk melonjakkan mereka ke tahap yang lebih tinggi. Dari segi teknikal, perusahaan mikro, kecil dan sederhana mempunyai kelebihan untuk bertindak balas dan menyesuaikan diri kepada perubahan perniagaan dan teknologi dengan lebih cepat disebabkan saiz operasi mereka yang kecil. Kelebihan ini harus dimanfaatkan dengan menyediakan sokongan melalui program bantuan yang bersasar dan latihan yang berstruktur. Latihan keusahawanan yang ditawarkan tidak seharusnya tertumpu kepada aspek pengurusan perniagaan sahaja, malah perlu untuk dikembangkan kepada latihan kemahiran khusus yang memberi fokus kepada teknik pemasaran dan penjenamaan, pembangunan produk berteraskan inovasi serta pengembangan perniagaan melalui platform e-dagang.

Selain itu, salah satu aspek yang harus juga diberi penekanan adalah menyediakan kepelbagaian akses pasaran bagi produk dan perkhidmatan usahawan. Ini bagi membolehkan produk dan perkhidmatan mereka

terpilih untuk dipasarkan melalui kedai-kedai runcit, kedai serbaneka, pasaraya dan seterusnya *hypermarket*. Produk dan perkhidmatan yang dipasarkan haruslah memenuhi standard penilaian dari segi kapasiti pengeluaran, pembiayaan kewangan, kualiti produk, pembungkusan, pelabelan, prestasi jualan serta komitmen oleh usahawan itu sendiri bagi memastikan produk perniagaan khususnya perusahaan mikro berupaya untuk bersaing dengan produk-produk lain yang telah lama berada di dalam pasaran.

Keupayaan dan prestasi perusahaan mikro, kecil dan sederhana turut bergantung kepada rantai bekalan yang kukuh bagi memastikan kestabilan perusahaan tersebut. Di Malaysia, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) telah memanfaatkan program pembangunan vendor untuk membangunkan perusahaan tempatan melalui penglibatan dalam rantai bekalan mereka. Selain daripada itu, galakan penyertaan perusahaan dalam platform perolehan kerajaan juga mampu membina kapasiti dan keupayaan sesebuah perusahaan untuk meningkatkan skala perniagaan seterusnya berkembang ke pasaran antarabangsa.

Teras Strategik 5 ini disokong oleh **4 STRATEGI** dan **14 INISIATIF**

Strategi E1:

Memperkuh pelaksanaan Program Pembangunan Vendor (PPV)

1. Meningkatkan penyertaan anchor baharu dari GLC, MNC, PLC, juara vendor dan syarikat swasta.
2. Mewujudkan vendor berbilang tingkat (*multiple tiers*) dalam kalangan Bumiputera.
3. Memperluas sektor berpotensi utama dalam industri pertumbuhan tinggi seperti aeroangkasa, automotif, rel, tenaga boleh diperbaharui, peranti perubatan, bioteknologi dan industri halal.

Strategi E3:

Menyediakan bantuan bersasar bagi akses pasaran terutama kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana Bumiputera

1. Menyediakan akses kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana ke pelbagai platform e-dagang untuk mempromosikan dan memasarkan produk.
2. Mempergiat akses produk perusahaan mikro, kecil dan sederhana ke outlet-outlet borong dan runcit.
3. Memanfaatkan proses perolehan kerajaan untuk mengutamakan produk dan perkhidmatan tempatan.
4. Memudahkan pematuhan perundangan, pensijilan dan akreditasi bagi perusahaan mikro, kecil dan sederhana.
5. Memperhebat promosi produk dan perkhidmatan tempatan di lokasi strategik dan pintu masuk negara (*entry points*).

Strategi E2:

Mempertingkatkan kemahiran keusahawanan dan keupayaan dalam kalangan perusahaan mikro, kecil dan sederhana

1. Menawarkan program latihan dan pembangunan yang berkaitan dengan Industri 4.0, pengurusan strategik, pensijilan, pemasaran dan penjenamaan, pembungkusan, pembangunan produk dan e-dagang.
2. Menyasarkan sokongan dan bantuan kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana untuk menceburi sektor baharu dan berpotensi tinggi.
3. Meningkatkan program pembinaan kapasiti yang menekankan pemikiran berdaya saing dan pengantarabangsaan strategik.
4. Menyediakan program literasi pengurusan kewangan berterusan khusus untuk usahawan mikro dan kecil.

Strategi E4:

Memperkuh pengurusan rantai bekalan

1. Memecahkan monopoli industri tertentu melalui program intervensi.
2. Menambahbaik logistik, infrastruktur fizikal dan digital untuk perusahaan melalui perkongsian awam-swasta.



TERAS STRATEGIK 6: Pengantarabangsaan Perusahaan Berpertumbuhan Tinggi

Persoalan Utama:

Bagaimana untuk meningkatkan keterlihatan perusahaan tempatan di pasaran global?

Pemangkin Perubahan:

Jalinan kerjasama strategik di antara perusahaan tempatan dan antarabangsa serta pematuhan standard dan kualiti antarabangsa.

Usahawan tempatan kini tidak boleh hanya memfokuskan kepada pemasaran dan pengeluaran bagi pasaran tempatan semata-mata, tetapi pada masa yang sama perlu memastikan produk serta perkhidmatan mereka mampu menembusi pasaran global. Hal ini kerana pasaran domestik di dalam negara secara relatifnya adalah kecil berbanding dengan negara lain berikutan ianya sangat berkait rapat dengan kepadatan populasi serta permintaan tempatan. Keadaan pasaran yang tepu di mana permintaan adalah bersifat statik dan tidak bergerak turut menjadi faktor kepada keperluan untuk memasuki gelanggang antarabangsa. Capaian kepada pasaran yang lebih luas akan membolehkan sesebuah perusahaan untuk mengembangkan perniagaan mereka di peringkat antarabangsa, pada masa yang sama merebut peluang untuk meneroka sektor atau ekonomi baharu yang berpotensi.

Namun begitu, demi memenuhi permintaan pasaran global yang luas, sesebuah perusahaan perlu dilengkapi dengan kecekapan dan keupayaan dari aspek pengurusan operasi, tenaga kerja yang mahir serta strategi promosi dan penjenamaan yang mantap bagi menghasilkan

pengeluaran produk berskala tinggi dan dijamin kualitinya. Tumpuan dan fokus strategi pengantarabangsaan ini akan diberikan kepada perusahaan berpertumbuhan tinggi yang berpotensi untuk mengembangkan sayapnya. Perusahaan yang berpertumbuhan tinggi yang dikenalpasti perlu meningkatkan jaringan pemasaran dan kebolehpasaran produk serta perkhidmatan untuk melonjakkan prestasi dan pencapaian ke peringkat yang lebih tinggi, seterusnya menjadi penyumbang kepada kekuatan ekonomi negara.

Rangkaian dan jalinan kerjasama yang utuh dalam bidang perniagaan di peringkat antarabangsa juga adalah penting untuk memecut pembangunan kapasiti perusahaan berpertumbuhan tinggi di Malaysia. Jalinan kerjasama yang telah dibina melalui keterlibatan Malaysia dalam pelbagai organisasi dan kesatuan antarabangsa seperti *ASEAN* dan *Asia-Pacific Economic Cooperation* (APEC) akan dimanfaatkan melalui sokongan dan usahasama dari aspek infrastruktur, mobiliti tenaga kerja selain kerjasama penyelidikan dan inovasi.

Teras Strategik 6 ini disokong oleh **2 STRATEGI** dan **5 INISIATIF**

Strategi F1:

Memudahcara akses kepada perusahaan tempatan khususnya Bumiputera untuk menembusi pasaran antarabangsa

1. Menyediakan khidmat nasihat dan risikan pasaran (*market intelligence*) antarabangsa.
2. Mewujudkan rangkaian pembiayaan alternatif global untuk menyokong usahawan tempatan yang ingin meneroka pasaran antarabangsa.
3. Memudahcara pematuhan kepada standard dan kualiti antarabangsa bagi membolehkan perusahaan tempatan terlibat dalam rangkaian bekalan global.

Strategi F2:

Menggalakkan rangkaian dan jalinan kerjasama bidang perniagaan

1. Mempertingkatkan perkongsian kerajaan-ke-kerajaan (G2G) serta kerjasama di antara usahawan tempatan dengan usahawan negara serantau seperti negara anggota ASEAN dan APEC untuk mewujudkan sinergi dan menangani halangan perdagangan.
2. Merangsang inisiatif pengantarabangsaan yang dipacu sektor swasta seperti dewan dan badan-badan perniagaan.

05

MELANGKAH KE HADAPAN



Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) merupakan garis panduan yang merangkumi ekosistem keusahawanan yang mapan untuk mencapai matlamat kepimpinan negara ke arah sebuah negara keusahawanan menjelang 2030. DKN ini dilaksanakan menerusi enam (6) teras strategik yang disokong oleh 19 strategi serta 62 inisiatif yang relevan dan tepat pada masanya dalam memacu agenda pembangunan negara untuk kekal berdaya saing dan mapan di persada ekonomi global.

Pembentukan masyarakat Malaysia yang berbudaya dan berpemikiran keusahawanan merupakan asas dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara keusahawanan unggul menjelang 2030. Penjiwaan budaya keusahawanan melalui pelaksanaan enam (6) teras strategik di bawah DKN merupakan pemangkin kepada proses transformasi ekonomi inklusif dan progresif yang dipacu ilmu dan inovasi. Melalui enam (6) teras strategik tersebut, hasil transformasi yang dihasratkan adalah seperti berikut:

- Menjadikan sifat kreatif, inovatif, berani mengambil risiko dan bertindak keatas peluang sebagai asas kepada budaya keusahawanan
- Tadbir urus, pengawalseliaan dan pembiayaan yang fleksibel dan fasilitatif untuk memudahkan penerokaan pelbagai bidang keusahawanan
- Perluasan peluang perniagaan kepada semua lapisan masyarakat untuk menceburi bidang keusahawanan bagi memastikan transformasi ekonomi yang inklusif dalam peningkatan status sosioekonomi negara
- Pemerksaan ekosistem inovasi antara pemegang taruh termasuk usahawan, inovator, penyelidik, institusi awam dan swasta untuk pembentukan, pembangunan serta pertumbuhan keusahawanan berteraskan inovasi

- Peningkatan perusahaan mikro, kecil dan sederhana ke tahap yang lebih tinggi dalam rantai nilai pasaran global melalui kepelbagaian produk dan perkhidmatan
- Penjanaan perusahaan berpertumbuhan tinggi yang berupaya dilonjakkan ke persada antarabangsa melalui perkongsian pintar dua hala yang dipacu oleh sektor swasta

Perjalanan transformasi untuk merealisasikan matlamat sebuah negara keusahawanan pada tahun 2030 bertitik tolak daripada kerjasama secara efektif, koordinasi yang mapan, serta komitmen dan sokongan daripada pelbagai pihak berkepentingan. Tumpuan harus diberi kepada usaha membina hubungan kerjasama yang seimbang di antara sektor awam dan swasta secara kolektif. Melalui rangka DKN ini, semua pemegang taruh bidang keusahawanan mampu memainkan peranan yang tersusun dan efektif sebagai pemacu untuk menjadikan Malaysia paksi ekonomi Asia dan global dengan penyertaan masyarakat yang menyeluruh.

Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) akan berperanan sebagai agensi induk yang akan menyelaras pencapaian dan keberhasilan inisiatif keusahawanan yang dilaksanakan oleh pelbagai kementerian dan agensi. Penyelarasan ini penting bagi memastikan keberhasilan inisiatif-inisiatif tersebut akan menyumbang dan menyokong pencapaian lima (5) objektif dan sasaran DKN. Ini akan merealisasikan konsep “Kemakmuran Bersama” diterjemahkan melalui pembentukan “Malaysia Negara Keusahawanan Unggul 2030”.

PENGHARGAAN

Majlis Penasihat Pembangunan Keusahawanan (EDAC)
Kementerian Pembangunan Usahawan
Kementerian Belia & Sukan
Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
Kementerian Industri Utama
Kementerian Kewangan
Kementerian Kesihatan
Kementerian Komunikasi & Multimedia
Kementerian Pelancongan, Seni & Budaya
Kementerian Pembangunan Luar Bandar
Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga & Masyarakat
Kementerian Pendidikan
Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
& Hal Ehwal Pengguna
Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani
Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan
Kementerian Sumber Manusia
Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar
& Perubahan Iklim
Kementerian Wilayah Persekutuan
Unit Penyelarasan Pelaksanaan,
Jabatan Perdana Menteri
Kementerian Pembangunan Perindustrian
& Usahawan Sarawak
Kementerian Pembangunan Perindustrian Sabah

Akademi Sains Malaysia (ASM)
Bank Negara Malaysia
Credit Guarantee Corporation Malaysia Bhd
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)
Malaysian Technology Development Corporation (MTDC)
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Semua peserta konsultasi awam dalam talian,
pihak industri, persatuan-persatuan dan
dewan-dewan perniagaan.

LAMPIRAN

40 pelan Dasar / Pelan Induk/ PelanTindakan / Pelan Halatuju berkaitan keusahawanan di Malaysia.

KEMENTERIAN BELIA & SUKAN

Dasar Belia Negara 2015-2035

KEMENTERIAN INDUSTRI UTAMA

Dasar BioFuel Negara 2006-2020

Dasar Perindustrian Kayu Negara 2009-2020

Dasar Komoditi Negara 2011-2020

KEMENTERIAN KOMUNIKASI & MULTIMEDIA

Dasar Keselamatan Siber Negara 2006

Dasar Industri Kreatif Negara 2012

Pelan Hala Tuju Strategik e-Dagang Kebangsaan 2016

Pelan Komunikasi dan Multimedia 2018-2025

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI & BUDAYA

Pelan Ekopelancongan Negara 2016-2025

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Dasar Pembangunan Luar Bandar 2019-2030

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN

Dasar Koperasi Negara 2011-2020

Pelan Induk PKS 2012-2020

Pelan Tindakan Perniagaan Sosial Malaysia 2015-2020

Pelan Induk Teknologi Hijau 2017-2030

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA & MASYARAKAT

Pelan Tindakan Pembangunan Wanita 2009

Pelan Tindakan Pemerikasaan Ibu Tunggal 2015-2020

Pelan Tindakan OKU 2016-2022

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia

(Pendidikan Tinggi) 2015-2025

Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2016-2020

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Pelan Induk Logistik dan Fasilitasi Perdagangan 2015

Pelan Induk Perkapalan Malaysia 2017-2022

KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA & INDUSTRI

Pelan Induk Industri Ketiga 2006-2020

Pelan Induk Industri Aeroangkasa Malaysia 2015- 2030

Pelan Tindakan Produktiviti Malaysia 2017

Industry4WRD 2018-2025

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI & HAL EHWAL PENGGUNA

Dasar Harta Intelek Negara 2007

Pelan Induk Pembangunan Francais Nasional 2012-2016

KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI

Dasar Agro Makanan Negara 2011-2020

KEMENTERIAN PERUMAHAN & KERAJAAN TEMPATAN

Dasar Perbandaran Negara Kedua 2016

Dasar Komuniti Negara 2019

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

Pelan Induk Latihan Dan Pembangunan Kemahiran

Pekerjaan Malaysia 2008-2020

Pelan Tindakan Pembangunan Modal Insan Tenaga Kerja
Kebangsaan 2018 - 2025

Pelan Hala Tuju Bakat 2020

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR & PERUBAHAN IKLIM

Dasar Bioteknologi Negara 2005-2020

Dasar Pengkomersialan Harta Intelek 2009

Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara 2013-2020

Pelan Hala Tuju Strategik Internet of Things (IoT) 2014

Dasar Angkasa Negara 2017-2030

BANK NEGARA MALAYSIA

Pelan Sektor Kewangan 2011-2020

SURUHANJAYA SEKURITI

Pelan Induk Pasaran Modal Kedua 2010- 2020

AKRONIM

AI	Kecerdasan buatan <i>Artificial Intelligence</i>
APEC	<i>Asia-Pacific Economic Cooperation</i>
AS	Amerika Syarikat
ASEAN	<i>Association of Southeast Asian Nations</i>
ASM	Akademi Sains Malaysia
B40	Isi Rumah Berpendapatan Rendah
CGC	<i>Credit Guarantee Corporation</i>
Co9P	<i>Centre of Nine Pillars</i>
DEEP	<i>Dealer Entrepreneurship Enhancement Program</i>
DFI	Institusi Kewangan Pembangunan <i>Development Finance Institution</i>
DKN	Dasar Keusahawanan Negara
DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia <i>Department of Statistics Malaysia</i>
EDO	Agensi Pembangunan Usahawan <i>Entrepreneurship Development Organisation</i>
FAMA	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan <i>Federal Agricultural Marketing Authority</i>
G2G	Kerajaan-ke-Kerajaan <i>Government-to-Government</i>
GAP	<i>Global Accelerator Programme</i>
GCR	<i>Global Competitiveness Report</i>
GEB	Galakan Eksport Bumiputera
GEI	<i>Global Entrepreneurship Index</i>
GII	<i>Global Innovation Index</i>
GITA	<i>Green Investment Tax Allowance</i>
GLCs	Syarikat Berkaitan Kerajaan <i>Government Linked Companies</i>
GPPV	Geran Pengkomersialan dan Penyelidikan Vendor
IB	Perniagaan Inklusif <i>Inclusive Business</i>
IKM	Institut Koperasi Malaysia
INSKEN	Institut Keusahawanan Negara
IoT	<i>Internet of Things</i>
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
KDNK	Keluaran Dalam Negeri Kasar

KPI	Petunjuk Prestasi Utama <i>Key Performance Index</i>
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
LGM	Lembaga Getah Malaysia
LKIM	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
LLC	Syarikat Liabiliti Terhad <i>Limited Liability Companies</i>
MaGIC	<i>Malaysian Global Innovation & Creativity Centre</i>
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MARDI	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia <i>Malaysian Agricultural Research and Development Institute</i>
MARII	Institut Automotif Robotik dan IoT Malaysia <i>Malaysia Automotive Robotics and IoT Institute</i>
MATRADE	Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia <i>Malaysia External Trade Development Corporation</i>
MED	Kementerian Pembangunan Usahawan <i>Ministry of Entrepreneur Development</i>
MIDF	<i>Malaysian Industrial Development Finance Berhad</i>
MITI	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia <i>Ministry of International Trade and Industries</i>
MNC	Syarikat Multinasional <i>Multinational Companies</i>
MOTAC	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya <i>Ministry of Tourism, Arts and Culture</i>
MPOB	Lembaga Minyak Sawit Malaysia <i>Malaysia Palm Oil Board</i>
MTDC	Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia <i>Malaysia Technology Development Corporation</i>
MTIB	Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia <i>Malaysian Timber Industry Board</i>
NEF	Rangka Kerja Keusahawanan Nasional <i>National Entrepreneurship Framework</i>
NGO	Badan Bukan Kerajaan

OECD	<i>Organisation for Economic Co-operation and Development</i>
OKU	Orang Kelainan Upaya
P&P	Penyelidikan dan Pembangunan
PICC	<i>Putrajaya International Convention Center</i>
PKS	Perusahaan Kecil dan Sederhana
PLC	Syarikat Tersenarai Awam <i>Public Listed Company</i>
PPRN	Jaringan Penyelidikan Awam Swasta <i>Public-Private Research Network</i>
PROTÉGÉ	<i>Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs</i>
PUNB	Perbadanan Usahawan Nasional Berhad
RMKe-11	Rancangan Malaysia Kesebelas
SE	Perusahaan Sosial
SE.A	Akreditasi Perusahaan Sosial <i>Social Enterprise Accreditation</i>
SMEIPA	<i>SME Integrated Action Plan</i>
TEKUN	TEKUN Nasional
TPM	<i>Technology Park Malaysia</i>
UK	<i>United Kingdom</i>
WEDP	<i>Women Exporters Development Programme</i>
WTO	Pertubuhan Perdagangan Dunia <i>World Trade Organisation</i>
YAB	Yang Amat Berhormat
YEDP	Youth Exporters Development Programme

RUJUKAN

- Acs, Z. L., Szerb, L., & Lloyd, A. 2018. Global Entrepreneurship Index. Washington: The Global Entrepreneurship and Development Institute.
- Ahlstrom, D., & Ding, Z. J. 2014. Entrepreneurship in China: An Overview. *International Small Business Journal*, Vol. 32(6) 610 –618
- Asia Pacific Foundation of Canada. 2018. 2018 Survey of Entrepreneurs and MSMEs in Indonesia: Building the Capacity of MSMEs Through Human Capital. Canada: Asia Pacific Foundation of Canada.
- Babson College. 2018. Global Entrepreneurship Monitor: Global Report 2017/2018. Massachusetts: Global Entrepreneurship Research Association (GERA).
- Bank Negara Malaysia. 2019. Tinjauan Ekonomi: Bab 1 Pengurusan dan Prospek Ekonomi. Kuala Lumpur: Bank Negara
- Baziad, M. 2017. Boosting High Impact Entrepreneurship in Indonesia. Dilayani pada 14 Mei 2019 di laman <https://www.digitalnewsasia.com/startups/boosting-high-impact-entrepreneurship-indonesia>
- Bergmann, H. 2007. The Changing Face of Entrepreneurship in Germany. *Small Business Economics* DOI: 10.1007/s11187-006-9016-z
- Bounds, A. 2017. Number of UK Start-ups Rises to New Record. Dilayani pada 12 Mei 2019 di laman <https://www.ft.com/content/cb56d86c-88d6-11e7-afd2-74b8ecd34d3b>
- Cornell University, INSEAD, & WIPO. 2018. The Global Innovation Index 2018: Energizing the World with Innovation. Ithaca, Fontainebleau, and Geneva: WIPO
- Das, K. 2018. Startup Ecosystem in Vietnam. Dilayani pada 14 Mei 2019 di laman <https://www.vietnam-briefing.com/news/startup-ecosystem-vietnam.html/>
- Das, K. 2018. Vietnam Releases the 2017 Economic Census. Dilayani pada 14 Mei 2019 di laman <https://www.vietnam-briefing.com/news/vietnam-releases-2017-economic-census.html/>
- Department for Business, Energy & Industrial Strategy. 2018. Business Population Estimates for the UK and Regions 2018. Dilayani pada 12 Mei 2019 di laman <https://www.gov.uk/government/collections/business-population-estimates>
- Dipta, I. W. 2017. Indonesia SME Strategy. ILO/OECD Workshop for Policy Makers on Productivity and Working Conditions in SMEs. Jakarta.
- El-Najjar, A. 2017. Small Business in the US by the Numbers. Dilayani pada 13 Mei 2019 di laman <https://townsquared.com/ts/resources/small-business-united-states-numbers/>
- Entrepreneur UK. 2019. Entrepreneurship and Innovation. Dilayani pada 12 Mei 2019 di laman <https://www.entrepreneursuk.net/entrepreneurship-and-innovation/>
- Entrepreneur UK. 2019. Entrepreneurship in UK. Dilayani pada 12 Mei 2019 di laman <https://www.entrepreneursuk.net/entrepreneurship-in-uk/>
- European Commission. 2016. Policy Statement Women Entrepreneurship Ireland and Germany.
- Federal Ministry for Economic Affairs and Energy. 2015. The German Mittelstand: Facts and figures about German SMEs. Berlin: Federal Ministry for Economic Affairs and Energy
- Federal Ministry for Economic Affairs and Energy. 2016. “Future of the German Mittelstand” Action Plan. Berlin: Federal Ministry for Economic Affairs and Energy (BMWi).
- Federal Ministry for Economic Affairs and Energy. 2017. Start-ups and Entrepreneurial Spirit in Germany. Berlin: Federal Ministry for Economic Affairs and Energy (BMWi).
- Furlinger, G., & Fandl, U. 2015. The role of State in The Entrepreneurship Ecosystem: Insights from Germany. *Triple Helix* DOI: 10.1186/s40604-014-0015-9

Global Business Guide. 2019. Indonesia SMEs: Increased Government Support to Overcome Challenges. Dilayani pada 14 Mei 2019 di laman www.gbgindonesia.com/en/main/why_indonesia/2016/indonesia_smes_increased_government_support_to_overcome_challenges_11603.php

Global Green Growth Institute. 2015. Vietnam Country Planning Framework 2016-2020. Seoul: Global Green Growth Institute

Government of Canada. 2019. Key Small Business Statistics: January 2019. Dilayani pada 27 Mei 2019 di laman https://www.ic.gc.ca/eic/site/061.nsf/eng/h_03090.html#point5-1

HM Revenue & Customs. 2018. UK Trade in Goods Statistics by Business Characteristics 2017. London: Custom Trade Statistics.

Hoffman, R. 2019. Small and Medium Enterprises (SMEs) In China. Dilayani pada 07 Jun 2019 di laman <https://ecovis-beijing.com/smes-china/>

Hofstede, G. 2019. Compare countries. Dilayani pada 22 Jun 2019 di laman <https://www.hofstede-insights.com/product/compare-countries/>

Isenberg, D. J. 2010. How to Start and Entrepreneurial Revolution. Harvard Business Review June 2010, pp 1-11.

Jabatan Perangkaan Malaysia. 2016. Banci Ekonomi 2016. Dilayani pada 23 Jun 2019 di laman <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=SFdpOXo3QjcyODVhT2JxSU9GR2paUT09>

Jabatan Perangkaan Malaysia. 2017. Laporan Survei Guna Tenaga, 2016. Dilayani pada 22 Jun 2019 di laman <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=SGZCNnMrWW9ZTEdpYys4YW0yRlho-QT09>

Jatuspiritak, S. 2019. Goal for SMEs to kick in half of GDP. Dilayani pada 23 Mei 2019 di laman <https://www.bangkokpost.com/business/news/1468342/goal-for-smes-to-kick-in-half-of-gdp>

Jones-Evans, D. 2007. Entrepreneurship Action Plan for Wales (EAP), UK. Cardiff: Welsh Assembly Government.

Kementerian Pendidikan Tinggi. 2015. Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi 2016-2020. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Tinggi.

Koleski, K. 2017. The 13th Five-Year Plan. Washington: US-China Economic and Security Review Commission.

Lee, T. D., Nguyen, T. T. H., & Nguyen, T. H. 2004. Mobilising Investment for Development: Role of ODA. The 1993-2003 Experience in Vietnam. Working Papers on International Investment Number 2004/6.

Ministry of Culture, Sports and Tourism. 2013. National Strategy for the Development of Cultural Industries in Vietnam to 2020, Vision 2030. Hanoi: British Council

Ministry of Entrepreneur Development. 2019. National Entrepreneurship Framework: Strategic Thrusts and Objectives. Putrajaya: Ministry of Entrepreneur Development.

MIT REAP. 2018. Innovation -Drive Entrepreneurship Thailand Initiative: Executive Summary.

Nam, S. Y. 2017. Overview of Korean Startup Ecosystem. WSIS Forum 2017. Buenos Aires.

National Development Council. 2017. Taiwan Innovation and Entrepreneurship Policy. Taiwan: National Development Council.

National Federation of Self-Employed & Small. 2018. UK Small Business Statistics. Dilayani pada 12 Mei 2019 di laman <https://www.fsb.org.uk/media-centre/small-business-statistics>

National Research Foundation. 2016. Research Innovation and Enterprise 2020. Singapore: Research, Innovation and Enterprise Secretariat.

OECD. (2018). SME and Entrepreneurship Policy in Indonesia 2018, OECD Studies on SMEs and Entrepreneurship. Paris: OECD Publishing.

OECD. (2018). SME and Entrepreneurship Policy in Thailand 2011, OECD Studies on SMEs and Entrepreneurship. Paris: OECD Publishing.

OECD. 2005. OECD SME and Entrepreneurship Outlook: 2005. Paris: OECD Publishing.

OECD. 2017. Inclusive Entrepreneurship Policies, Country Assessment Notes. Paris: OECD Publisher.

OECD. 2017. OECD Science, Technology and Industry Scoreboard 2017: The Digital Transformation. Paris: OECD Publishing.

OECD. 2017. SME and Entrepreneurship Policy in Canada. Paris: OECD Publishing.

OECD. 2017. The Mission Entrepreneurs 2017: Policies for Inclusive Entrepreneurship. Paris: OECD Publisher.

OECD. 2018. Thailand, in Financing SMEs and Entrepreneurs 2018: An OECD Scoreboard. Paris: OECD Publishing.

Office of Advocacy. 2018. 2018 Small Business Profile. Washington: US Small Business Administration.

Panizza, G. 2017. Vietnam Startup Ecosystem. Dilayani pada 14 Mei 2019 di laman <https://www.vietnam-briefing.com/news/vietnam-startup-eco-system.html/>

Parella, J. F., & Hernandez, G. C. 2018. The German Business Model: The Role of the Mittlestand. Journal of Management Policies and Practices Vol. 6, No. 1, 10-16

Reamer, A. 2017. Federal Efforts in Support of Entrepreneurship: A Reference Guide (Working Draft). Washington: The George Washington Institute of Public Policy.

Schwab, K., & Sala-i-Martin, X.S. 2018. The Global Competitiveness Report 2017-2018. Geneva: World Economic Forum.

Small and Medium Enterprise Administration. 2019. White Paper on Small and Medium Enterprises in Taiwan, 2018. Taiwan: Ministry of Economic Affairs

SME Corp Malaysia. 2018. SME Corp Malaysia Annual Report 2017. Kuala Lumpur: SME Corp

SME Corporation. 2018. SME Integrated Plan of Action (SMEIPA). Putrajaya: Kementerian Pembangunan Usahawan

SME Corporation. 2019. SMEIPA: Pencapaian dan Perancangan Program Pembangunan Keusahawanan & PKS 2018/2019. Mesyuarat Pasukan Petugas Peringkat Tertinggi Pembangunan PKS Bil. 1/2019. Putrajaya: Kementerian Pembangunan Usahawan (Kertas No 6.)

SME Hub. 2019. Here's Why SME Matters in Malaysia. Dilayani pada 23 Mei 2019 di laman smeinfo.com.my/profile-of-smes

Sohn, K. & Czurat, S. 2013. Action Plan Entrepreneurship 2020 Policy Brief No 15/2013. Freiburg: Centrum fur Europaische Politik.

Startup Genome. 2018. Global Startup Ecosystem Report 2018. California: Startup Genome, LLC

The Office of Small and Medium Enterprises Promotion (OSMEP). 2018. Role of OSMEP. Dilayani pada 23 Mei 2019 di laman www.sme.go.th

Trinh, P. T. T., & Thanh, N. D. 2005. Development Characteristics of SME Sector in Vietnam: Evidence from the Vietnam Enterprise Census 2006-2015. Hanoi: Viet Nam Institute for Economic and Policy Research (VEPR).

United States Census Bureau. 2018. A Profile of US Importing and Exporting Companies, 2015-2016. Dilayani pada 13 Mei 2019 di laman <https://www.census.gov/foreign-trade/Press-Release/edb/2016/>

US Small Business Administration. 2017. US Small Business Administration Strategic Plan: Fiscal Years 2018-2022. Washington: US Small Business Administration.

Wei, X. 2019. China to Further Promote Innovation and Entrepreneurship. Dilayani pada 23 Mei 2019 di laman english.gov.cn/premier/news/2017/07/12/content_281475723086902.htm

World Bank. 2019. Doing Business 2019. Washington: World Bank Group

Yoon, J. 2018. South Korean Startup Ecosystem. Dilayani pada 23 Mei 2019 di laman startupradar.asia/south-korean-startup-ecosystem/

Yue, Z. 2019. Nation to Boost Entrepreneurship, Innovation. China Daily. Dilayani pada 23 Jun 2019 di laman www.chinadaily.com.cn/a/201809/07/WS5b91cc35a31033b4f4654b65.html

ISBN 978-983-43495-1-6



Kementerian Pembangunan Usahawan
Blok E4/5, Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62668 Putrajaya, Malaysia